


Jilid III
Bil. 26



Hari Selasa
12hb Januari, 1982

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2917]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang [Penghapusan Samsu Gelap] (Pindaan) [Ruangan 2951]

Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) [Ruangan 2979]

MALAYSIA

PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., B.K.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN TAHIR, S.M.T., B.C.K., P.J.K. (Kedah).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N, J.P. (Dilantik).
- „ DATO HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN BASHARON BIN HANAPIAH (Dilantik).
- „ DATO CHIN KIM YOONG (Perak).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ TUAN DAIM BIN ZAINUDDIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- „ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD (Perlis).

- Yang Berhormat DATO HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., S.M.J. (Dilantik).
- „ DR GAN KONG SENG, P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM *alias* HASNAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM, A.M.N., P.J.K., P.P.N. (Trengganu).
- „ DATO SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ DATO' ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ DATO' HAJI ISMAIL BIN HASSAN, D.P.M.J., P.I.S. (Johor).
- „ DATUK JAMES WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN SYED KAMARULZAMAN BIN SYED BAHALDIN ALJAMLUD, K.M.N., A.M.N. (Selangor).
- „ TUAN KENNETH KANYAN ANAK TEMENGGONG KOH (Sarawak).
- „ Dato Khoo Kay Por (Pulau Pinang).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TUAN LEE JONG KI (Dilantik).
- „ TUAH LOH KEE PENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- „ DATIN HAJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ DATO HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA (Dilantik).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATO HAJI MOHD. NOR MOHAMAD, D.P.M.S., J.M.N., S.M.T., S.M.S., P.J.K. (Dilantik).

- Yang Berhormat DATO HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN M. MUTHU PALANIAPPAN, A.M.N., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ DATO HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).
- „ PUAN RAGAYAH ARIFF, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).
- „ DATO SULAIMAN BIN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN HAJI TUAN YAACOB BIN HAJI ENSKU YUNUS, P.P.N. (Kelantan).
- „ DATO YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TSU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ TAN SRI ZAITON IBRAHIM BIN AHMAD, P.S.M. (Dilantik).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya bin Manap.

Penyunting: P. Bhaskaran Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom bin Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 12hb Januari, 1982

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Alexander Lee.**Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 1.TUMBUHAN LALANG DI KAWASAN
AWAM KUALA LUMPUR

1. **Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pihak Dewan Bandaraya telah tidak memotong lalang-lalang yang tumbuh di kawasan-kawasan awam di beberapa tempat di Kuala Lumpur yang merupakan satu ancaman kebakaran kepada penduduk-penduduk berhampiran terutama pada musim panas.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Idris bin Abdul Rauf): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa Dewan Bandaraya tidak memotong lalang-lalang di beberapa tempat kawasan awam di Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, perlu saya jelaskan di sini bahawa terdapat beberapa kawasan yang bukan terletak di bawah tanggungjawab Dewan Bandaraya untuk memotong lalang atau rumput-rumput di situ. Kawasan-kawasan ini mengelirukan, terutamanya kawasan-kawasan persendirian yang terletak berhampiran dengan kawasan-kawasan awam. Bagi kawasan-kawasan persendirian ini, adalah menjadi tanggungjawab tuan punya milik untuk memotong atau

membersihkannya daripada lalang atau rumput-rumput. Dewan Bandaraya akan mengeluarkan notis saman sekiranya terdapat lalang atau rumput-rumput yang tidak dipotong, di mana menjejaskan keindahan kawasan itu dan berkemungkinan mendatangkan bahaya kepada penduduk di sekitar kawasan persendirian itu. Adalah menjadi satu kesalahan di bawah perkara 74, Akta Kerajaan Tempatan Tahun 1976, membiarkan kawasan rumah dipenuhi oleh tumbuh-tumbuhan yang memudharatkan. Bahkan Dewan Bandaraya telahpun menjalankan tindakan lebih jauh, di mana lalang atau rumput-rumput di kawasan itu dipotong oleh Dewan Bandaraya dan kos-kos yang berkaitan dikenakan kepada tuan punya milik, sebagaimana dibenarkan di bawah kuasa Akta Kerajaan Tempatan Tahun 1976, perkara 115.

Bagi kawasan-kawasan awam di taman perumahan di mana Sijil Kelayakan (Certificate of Fitness) belum dikeluarkan, maka lalang atau rumput-rumpai di situ adalah menjadi tanggungjawab pemaju untuk memotong atau membersihkannya, dan boleh didakwa di bawah Akta yang sama, jika pihak pemaju tidak mengambil tindakan untuk berbuat demikian. Dewan Bandaraya akan hanya terlibat setelah Sijil Kelayakan dikeluarkan.

Bagi kawasan-kawasan lain seperti kawasan permainan/lapang, tepi-tepi jalan dan di atas bahu jalan, Dewan Bandaraya adalah sentiasa menentukan supaya lalang/rumput di situ dipotong supaya selalu kelihatan bersih dan tidak membahayakan. Dewan Bandaraya juga telah dan sedang membelanjakan wang beribu ringgit untuk pemotongan lalang/rumput ini dengan memberi kontrak kerja-kerja itu kepada kontraktor-kontraktor tempatan.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, berapa orangkah setakat hari ini pihak Dewan Bandaraya telah menyaman orang-orang yang tidak memotong lalang-lalang di kawasan yang berkenaan.

Tuan Idris bin Abdul Rauf: Tuan Yang di-Pertua, statistik yang dipohon itu tidak dapat saya berikan tetapi kalau berkehendakkan, boleh kita berikan.

RUMAH PANGSA KERAJAAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN

2. **Tuan S. Subramaniam** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan rancangan beliau untuk menjual rumah pangsa Kerajaan di Wilayah Persekutuan kepada penghuni-penghuni, khasnya kepada mereka yang telah menduduki lebih dari sepuluh atau lima belas tahun secara ansuran kepada Kerajaan.

Tuan Idris bin Abdul Rauf: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kementerian Wilayah Persekutuan tidak bercadang untuk menjual rumah pangsa Kerajaan di Wilayah Persekutuan kepada penghuni-penghuninya.

ORANG BUTA—ANGKA

3. **Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain** minta Menteri Kebajikan Am menyatakan:

- (i) jumlah orang buta yang didaftarkan dalam negara ini dan daripada jumlah ini berapakah yang telah mendapat pendidikan; dan
- (ii) jumlah mereka yang berumur kurang daripada 25 tahun; dan
- (iii) punca-punca mengapa mereka ini menjadi buta.

Menteri Kebajikan Am (Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Menurut angka yang ada di Kementerian Kebajikan Am jumlah orang buta yang didaftarkan di Semenanjung Malaysia setakat 30hb November, 1981 adalah seramai 7,795 orang yang terdiri daripada 5,197 lelaki dan 2,598 perempuan. Pendidikan bagi orang buta adalah tanggungjawab Kementerian Pelajaran dan mengikut Kementerian

tersebut, bilangan orang buta yang ada di bangku sekolah pada tahun 1981 adalah seramai 362 orang yang mengandungi seramai 233 orang lelaki dan 129 orang perempuan.

- (ii) Berdasarkan angka yang ada di Kementerian saya, jumlah orang buta yang berumur di bawah 25 tahun adalah seramai 1,409 orang yang terdiri daripada 939 orang lelaki dan 470 orang perempuan.
- (iii) Ada berbagai sebab yang menyebabkan cacat penglihatan, antaranya ialah:
 - (a) penyakit seperti demam campak Jerman;
 - (b) penyakit jantung;
 - (c) kemalangan; dan
 - (d) kurang zat makanan.

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamed: Soalan tambahan. Berkenaan dengan orang buta ini saya suka mendapat penjelasan yang jelas daripada Menteri iaitu ada dua jenis orang-orang atau kanak-kanak buta yang satu buta daripada dalam perut dan lahir ke dunia. Yang keduanya buta selepas dilahirkan. Daripada jumlah yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi ialah 7,795 orang, jadi berapa ramaikah yang dilahirkan dengan keadaan buta dan berapa ramaikah yang menjadi buta selepas dilahirkan.

Yang kedua, sebagaimana yang diketahui buta selepas daripada dilahirkan ini kebanyakannya berpunca daripada makanan-makanan yang dimakan oleh bayi-bayi itu. Dan pihak sekolah telah mengadakan pemakanan selepas kanak-kanak itu masuk sekolah untuk menolong supaya kanak-kanak itu mendapat zat yang baik. Tetapi sebelum daripada bayi-bayi itu masuk sekolah dalam masa 6 tahun ramai di antara bayi-bayi ini yang terdedah kepada penyakit-penyakit buta dengan sebab ibubapanya miskin dan tidak mendapat zat makanan yang cukup. Jadi apakah langkah pihak Kementerian Yang Berhormat untuk mengatasi perkara ini supaya bayi-bayi yang dilahirkan itu di kalangan orang-orang miskin lebih-lebih lagi di kalangan orang-orang yang di luar bandar dapat diatasi supaya tidak menjadi buta?

Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya menerangkan bahawa soal yang pertama tadi, saya tidak ada statistik pada masa ini, yang ada pada saya yang menjadi perkiraan berapa ramai yang buta semenjak lahir dengan buta yang sudah dilahirkan. Kalau Ahli Yang Berhormat itu masih berkehendak juga saya minta diberi notis.

Yang keduanya berkenaan dengan pencegahan bagi kanak-kanak yang menjadi buta sebelum pergi ke sekolah. Saya berpendapat dengan adanya rancangan kesihatan yang sebegitu meluas ke luar-luar bandar, masalah kanak-kanak menjadi buta ini akan berkurangan, jadi pada satu hari kelak akan dapat diatasi.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, daripada 7,795 orang buta dalam negeri ini, saya suka bertanya, nombor satu berapa ramai di antaranya yang dapat dilayan oleh Menteri Kebajikan Am iaitu daripada 7,795; 1,000 atau 2,000 orang, yang lainnya itu orang buta ini amat menyedihkan bagi hidup manusia. Jadi apakah tindakan khasnya Kementerian tersebut terhadap mereka yang buta yang terbiar, yang tidak ada dalam penyelenggaraan Kementerian tersebut?

Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya menerangkan berkenaan dengan pertolongan yang diberikan kepada orang buta bukan sahaja oleh Kementerian Kebajikan Am, tetapi Kerajaan Negeri juga ada menyediakan rancangan-rancangan bagi hendak menolong mereka yang buta sepertimana yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Trengganu, rancangan khas untuk menolong orang buta. Walau bagaimanapun mereka ini juga mendaftar kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat sebab itulah Kementerian saya ada menyimpan rekod mereka yang buta.

Yang keduanya, orang buta ini juga ada mempunyai persatuannya sendiri, jadi maknanya bukanlah tiap-tiap orang buta itu mesti datang kepada Kementerian Kebajikan Am kerana ada banyak pula tenaga sukarela yang bekerja untuk menyelenggarakan atau

membantu membimbing mereka yang buta ini.

KEMALANGAN LOMBONG

4. Puan Ragayah binti Ariff minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada Kementerian akan mengadakan satu undang-undang yang ketat supaya pihak pengusaha-pengusaha lombong tidak lagi menjalankan perusahaan perlombongan berhampiran dengan kampung-kampung yang didiami oleh penduduk-penduduk supaya tidak akan berlaku kemalangan lagi.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, suka saya maklumkan bahawa undang-undang memang telahpun ujud berhubung dengan jarak sesebuah lombong dengan kawasan kediaman. Namun demikian akibat kejadian kemalangan lombong pada awal tahun 1981, Kementerian saya telahpun memberi arahan kepada Jabatan Galian untuk mengetatkan lagi panduan keselamatan berkenaan dengan kegiatan melombong yang berhampiran dengan kawasan-kawasan yang mempunyai penduduk dan juga bangunan.

Selain daripada undang-undang yang ketat yang telahpun wujud itu, satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian saya telahpun ditubuhkan untuk mengkaji kesemua aspek dan masalah berhubung dengan kejadian kemalangan lombong dan membuat perakuan-perakuan. Jawatankuasa ini akan membuat suatu kajian menyeluruh termasuk dari segi teknikal, perundangan dan masalah sosio-ekonomi. Di antara lain Jawatankuasa ini akan membuat tinjauan dan kajian ke atas kecukupan dan kekuatan undang-undang yang sedia ada, pengawasan dan penguatkuasaan, masalah setingan dan pendudukan secara haram, keluasan kawasan pajakan melombong, tempoh pajakan melombong dan desakan serta tuntutan-tuntutan yang dibuat oleh para pelombong berhubung dengan penguatkuasaan undang-undang yang begitu ketat sekali. Jawatankuasa ini telahpun mengadakan beberapa mesyuarat dan dijangka dapat menyelesaikan tugasnya pada bulan Februari tahun ini.

Dato Sulaiman bin Ninam Shah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak dapat tahu daripada Timbalan Menteri yang berkenaan adakah benar Kerajaan ada undang-undang mengatakan tanah-tanah lombong yang telah dikerjakan itu mesti ditutup balik. Kalau jawapannya benar, apa sebab kebanyakan tanah-tanah lombong itu tidak diperintah supaya dikambus balik mengikut bagaimana asal kerana dengan sebab itulah satu daripada jalannya menjadikan tanah-tanah itu runtuh dan menyebabkan nyawa melayang dan tidak diambil berat oleh pihak Kerajaan. Ini yang saya dapat tahu daripada Timbalan Menteri yang berkenaan.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, apa yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat itu sebenarnya adalah di luar dari tugas Kementerian saya kerana itu terletak di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan juga di bawah jagaan pihak negeri yang berkenaan.

Dato' Sulaiman bin Ninam Shah: Tuan Yang di-Pertua, saya merasa hairan kerana Timbalan Menteri ini menjawab mengatakan di luar tugasnya, yang saya tanya adalah lombong, saya tidak tanya Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, bukannya bahaya asap keluar-tidak. Ini lombong menambak tanah itu balik, ini dalam jagaan Menteri Perusahaan Utama. Saya pelik, Tuan Yang di-Pertua, patutnya Tuan Yang di-Pertua, boleh menegur Timbalan Menteri yang berkenaan menjawab sebenarnya perkara yang saya soalkan.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ini menyentuh soal kawasan yang telah dilombong dan sama ada kawasan itu sepatutnya ditimbus kembali atau tidak dan ini ialah soal pengambilan semula tanah itu daripada pihak Kerajaan Negeri. Jadi apa yang saya telah perkatakan tadi saya rasa ialah sesuai dan memadai bahawa ini adalah tugas negeri yang berkenaan kerana soal tanah ini adalah di bawah jagaan negeri masing-masing.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pendapat sahabat saya tadi iaitu bagaimana Timbalan Menteri menjawab

berkenaan lombong ini dipertanggungjawabkan kepada Menteri Besar ataupun Menteri lain. Ini adalah soal lombong dan Menteri Perusahaan Utama boleh mengatakan siapa yang memberi lombong, sudah membuka tanah di lombong itu adalah membahayakan manusia lain atau haiwan-haiwan lain mesti dikambus, itu peraturan negara kita ini. Jadi Kementerian yang berkenaan adalah bertanggungjawab atas satu-satu jabatan di bawah Kementerannya. Pertanyaan tadi ialah adakah Kementerian Perusahaan Utama menolak dakwaan ini bahawa kawasan yang diberi perlombongan atau membuka tanah lombong yang besar yang membahayakan itu bukan di bawah tanggungan Menteri Perusahaan Utama sendiri, ini yang saya merasa hairan.

Yang kedua, saya hendak bertanya kerana perkara ini adalah serius, bukan perkara kecil kerana lombong sekarang telah banyak mengorbankan jiwa dan pelawat-pelawat luar negeri juga hairan apabila melawat negeri kita. Mengapa lombong dekat dengan jalan dengan begitu besar dan hebatnya tidak dikambus, sebagaimana Tuan Yang di-Pertua tahu kalau kita pergi ke sebelah utara kita akan melihat keadaan ini. Saya merasa hairan mengapa diberi, keadaan ini bukan sahaja merosakkan jalan, merosakkan manusia, tetapi merosakkan rumah dan kanak-kanak jatuh mati. Jadi saya hendak bertanya berapa jarak yang dibuat oleh Kementerian Perusahaan Utama daripada rumah atau daripada tembok jalan kepada tiap-tiap perlombongan yang dibenarkan dalam negara kita ini.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya secara umum telah disebutkan oleh saya soal jarak ini tetapi kalau Ahli Yang Berhormat ingin jawapan yang spesifik, yang mempunyai data ataupun dari segi kilometer, saya perlu notis.

PERBICARAAN KES SIVIL KE PRIVY COUNCIL

5. Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan bahawa rayuan dalam perbicaraan kes-kes jenayah di negara ini ke Majlis Privy telah diberhentikan sejak

22-1-76 oleh kerana para hakim di negara ini telah mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang cukup di dalam perbicaraan-perbicaraan tersebut, tetapi rayuan perbicaraan sivil masih dibawa ke Majlis Privy, sama ada beliau sedar bahawa keadaan ini adalah ganjil kerana dalam kes jenayah yang hukumnya bergantung dengan nyawa seseorang kita menyerahkan kepercayaan yang sepenuh kepada hakim kita untuk keputusannya yang muktamad, tetapi di dalam perbicaraan sivil yang hukumannya berhubung dengan harta seseorang sahaja kita masih tidak memberi kepercayaan sepenuh terhadap keupayaan para hakim kita memberi keputusan muktamad tetapi sebaliknya masih bergantung kepada Majlis Privy. Jika ya, nyatakan bilakah rayuan perbicaraan kes sivil ke Majlis Privy akan diberhentikan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini, Kerajaan belum ada cadangan lagi untuk memberhentikan rayuan perbicaraan kes-kes sivil ke Privy Council. Bagaimanapun, Kerajaan akan memberi pertimbangan di atas perkara ini supaya pada suatu masa kelak, apakala didapati sesuai, rayuan perbicaraan ke Privy Council itu dapat diberhentikan.

Patut saya menambah di sini bahawa amalan kita sekarang yang masih meneruskan dengan rayuan perbicaraan kes-kes sivil ke Privy Council itu tidaklah bermakna bahawa Kerajaan tidak ada kepercayaan penuh terhadap para Hakim kita.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apakah motifnya yang sebenar Kerajaan sendiri tidak memikirkan mengapa kes sivil itu mesti dibawa appeal ke Privy Council sedangkan kita sebuah negara yang merdeka, kita menghendaki kelulusan luar untuk mengakui urusan di dalam negara kita. Jadi saya hendak bertanya apakah motifnya sehingga ini Kerajaan belum bercadang menimbangkan kes sivil ini tidak payah dibawa appeal kepada Privy Council, dan kalau sekiranya belum, bila masa dicadangkan kes ini tidak dibawa balik appealnya ke Privy Council supaya ia selaras dengan kes jenayah?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kes-kes sivil adalah berlainan daripada kes-kes jenayah (criminal). Bagaimanapun seperti saya kata tadi, masa belum sampai lagi dan perkara ini akan diberi pertimbangan oleh pihak Kerajaan.

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Soalan tambahan, saya ingin mendapat penjelasan lagi, Tuan Yang di-Pertua. Kita sekarang ini sudah 24 tahun merdeka, dan adalah satu perkara yang anih di dalam dunia sebuah negeri yang merdeka masih lagi Majlis Kehakiman bergantung kepada pihak British atau pihak penjajah manakala kita melihat banyak negara-negara di dalam dunia selepas daripada mencapai kemerdekaannya terus memutuskan perhubungan perbicaraannya daripada penjajah. Seumpamanya kita katakan Indonesia, negara ASEAN yang sama juga sejalan dengan kita, dia boleh berdiri tegak daripada tahun 1945, daripada masa dia mengisytiharkan kemerdekaannya sampai sekarang, tetapi kita Malaysia yang mendapat kemerdekaan tahun 1957 sampai sekarang kita tidak berani mengisytiharkan perkara sivil. Dalam perkara yang lebih anih lagi, dalam masalah kes jenayah iaitu kes yang berhubung dengan nyawa, kes yang menentukan seseorang itu hidup mati kita memutuskan, kehakiman kita boleh memutuskan ini, kita memberi kepercayaan 100% kepada hakim kita. Berapa banyak hakim-hakim kita sudah memutuskan hukum bunuh seumpama Botak Chin dan sebagainya di dalam negara kita tetapi dalam masalah sivil, masalah mal yang tidak bergantung dengan nyawa, cuma harta benda sahaja, apa yang kita takut-takutkan sampai 24 tahun kita merdeka masih lagi kita tidak memberi kepercayaan kepada hakim kita. Jadi sayang sekali sebagaimana yang dikatakan oleh saudara saya Tan Sri Dato' Abdul Razak tadi apakah motifnya sudah 24 tahun merdeka masih lagi kita tidak boleh memberi kepercayaan kepada hakim kita, apa sebabnya?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya tadi ada saya menyebutkan dengan adanya amalan sekarang bukanlah bermakna kita tidak mempunyai keyakinan ataupun kepercayaan

terhadap hakim-hakim kita. Apa yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat itu patutlah saya menyatakan iaitu pihak Kerajaan ada mempunyai pendapat yang lain. Bagaimanapun perkara ini akan diberi pertimbangan dan satu masa kelak kalau sesuai appeal-appeal mengenai dengan kes sivil itu ke Privy Council dapatlah diberhentikan.

Tuan S. I. Rajah: Soalan tambahan, saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan, saya dengar Kerajaan hendak membuat satu mahkamah yang lebih tinggi daripada Federal Court ataupun boleh dikatakan dalam bahasa Inggeris 'Supreme Court'. Selepas buat itu Kerajaan hendak berhentikan kes-kes sivil daripada dihantar ke Privy Council di London. Betulkah atau tidak, saya hendak tahu dari Timbalan Menteri yang berkenaan.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, jawabnya belum ada lagi cadangan hendak mengadakan Supreme Court ataupun lain-lain mahkamah yang lebih tinggi daripada Mahkamah Persekutuan yang ada sekarang ini.

WARGANEGARA MALAYSIA MENOLAK KEWARGANEGARAANNYA

6. Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (i) jumlah warganegara Malaysia di luar negeri yang telah menggugurkan kerakyatan mereka; dan
- (ii) sama ada di antara mereka yang memohon kembali menjadi rakyat Malaysia dan; jika ada, nyatakan syarat-syarat istimewa yang dikenakan atas mereka.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik): Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan pertama jumlah warganegara Malaysia yang telah menolak kewarganegaraan mereka sejak hari merdeka sehingga 30-11-1981 ialah sebanyak 37,246 orang.

Bagi soalan kedua, setakat ini tidak seorang pun daripada mereka yang memohon kembali untuk menjadi rakyat Malaysia.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan bahawa ada rakyat kita daripada Malaysia yang pergi ke Australia dari kalangan profesional berkhidmat di sana kerana berkehendakkan keuntungan dan faedah yang lebih terutamanya doktor dan sebagainya, mereka telah membuat permohonan menjadi rakyat semula di negara kita ini dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah menyatakan dia tidak setuju.

Jadi bermakna ada rakyat kita yang telah gugur kerakyatannya meminta semula. Adakah ini benar supaya rekod ini boleh dibaiki, diambil keterangan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang baru sebentar tadi mengatakan tidak ada, kerana Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pernah kata iaitu ada bekas rakyat kita yang berkhidmat di Australia meminta semula balik menjadi rakyat Malaysia, katanya ada. Untuk rekod, mana yang betul?

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, bila saya hendak katakan permohonan itu ertinya ia mempunyai kelayakan-kelayakan yang secukupnya untuk menjadi seorang pemohon. Untuk memohon kembali menjadi rakyat Malaysia bagi orang yang telah melucutkan kewarganegaraannya atau dilucutkan kewarganegaraannya itu, ia dikehendaki memenuhi satu syarat yang mustahak iaitu berada di Malaysia ini selama sekurang-kurangnya 5 tahun. Kalaupun ia telah berpindah ke Australia, Canada ataupun di mana-mana, kalau ia menulis sahaja mengatakan hasratnya ingin menjadi rakyat Malaysia, itu bukanlah taraf permohonan; itu hanya merupakan satu enquiry sahaja kerana kelayakan-kelayakan untuk memohon itu tidak dapat dipenuhi. Jadi kita menganggap itu hanya satu enquiry ataupun menyatakan hasrat untuk menjadi rakyat Malaysia, bukannya satu permohonan yang mempunyai kelayakan-kelayakan yang secukupnya.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, warganegara Malaysia di luar negeri yang telah gugur kerakyatan mereka sehingga 1981 cuma 33,246 orang. Ini bagus juga. Saya hendak bertanya daripada 33,000 lebih ini saya hendak tahu berapa bumiputra

yang sejati yang telah menggugurkan kerakyatan dan jika boleh saya dapat tahu adakah dari bumiputra sejati yang menggugurkan kerakyatan aslinya dalam negerinya kerana taraf profesionalnya yang baik di negara lain ataupun kerana apa mengikut pendapat Yang Berhormat Menteri.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Dari jumlah yang saya sebutkan tadi kira-kira 4,278 orang bumiputra atau Melayu yang telah melucutkan kewarganegaraannya untuk berpindah ke negeri lain.

Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh: Soalan tambahan. Jumlah yang telah dilucutkan kewarganegaraan tadi telahpun diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, tinggal lagi saya hendak menyambung sedikit. Soalan saya berapakah yang telah diterima semula; dan apakah sebab-sebab Kerajaan melucutkan kewarganegaraan seseorang itu.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan tadi warganegara yang melucutkan kewarganegaraannya ialah 33,246 orang. Yang Kerajaan melucutkan kewarganegaraannya, bukan dia melucutkan tetapi kita lucutkan ialah lebih kurang 16,596 orang. Daripada jumlah itu kira-kira 332 atau 2% sahaja yang setakat ini telah didaftarkan sebagai warganegara Malaysia semula.

Sebab-sebab perlucutan kewarganegaraan ini ada beberapa sebab, Di antaranya ialah:

1. mereka ini memperoleh kewarganegaraan asing;
2. mereka mempunyai pasport asing;
3. menggunakan hak-hak kewarganegaraan asing;
4. tidak setia kepada Kerajaan Persekutuan Malaysia;
5. tidak setia dan membantu musuh ketika Persekutuan Malaysia berperang;
6. dalam tempoh 5 tahun daripada tarikh pendaftaran seseorang itu menjadi warganegara dia telah dihukum penjara atau denda kerana melakukan kesalahan jenayah;

7. mereka berada berturut-turut di luar negeri atau di luar Persekutuan dan telah menyatakan hasratnya untuk terus menjadi warganegara Malaysia;
8. Bagi anak-anak yang mana bapanya telah terlucut kewarganegaraannya oleh sebab-sebab yang saya sebutkan tadi;
9. kerakyatan yang diterima itu ialah atas sebab-sebab palsu yang diberikan; dan akhir sekali
10. kita telah mengeluarkan dokumen-dokumen sebagai satu kesilapan terhadap mereka yang menerima kewarganegaraan itu.

PAKAR PESAKIT JIWA

7. Tuan K. Kumaran minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilangan pakar pesakit jiwa (psychiatrists) yang telah meletakkan jawatan di Hospital Bahagia Tanjong Rambutan;
- (b) sama ada Kementerian sedar bahawa pakar pesakit jiwa di Hospital tersebut adalah sangat-sangat tidak mencukupi; dan
- (c) langkah-langkah yang sedang diambil untuk melatih lebih banyak pakar pesakit jiwa di negara ini.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Ingin saya memaklumkan bahawa dalam tempoh dari tahun 1970 hingga sekarang 2 Pakar Penyakit Jiwa telah meletakkan jawatan dari Hospital Bahagia, Ulu kita.
- (b) Kementerian saya adalah sedar mengenai kekurangan pakar penyakit Jiwa di Hospital tersebut, tetapi suka saya memaklumkan bahawa pada masa ini terdapat 2 orang Pakar Penyakit Jiwa yang ditempatkan di hospital itu.
- (c) Kementerian telahpun mengambil tindakan untuk melatih lebih ramai pakar penyakit jiwa di negara ini. Dalam tahun 1973 Universiti Malaya

telah memulakan kursus lanjutan lepasan ijazah dalam bidang Perubatan Jiwa bagi menambahkan lagi bilangan pakar-pakar dalam bidang itu. Setakat ini seramai 13 orang telah lulus dalam kursus tersebut sejak tahun 1975.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercadang untuk menambah imbuhan atau gaji kepada Pakar Penyakit Jiwa sebab bukan sahaja taraf profesionalnya tetapi namanya dinodai oleh masyarakat dan juga kesenian kebudayaan kita, akan dipanggil doktor gila. Yang gila itu bukan doktornya tetapi ialah pesakitnya tetapi oleh sebab dianya dipanggil doktor gila, doktor binatang umpamanya, adakah patut Kerajaan memberi satu imbuhan bagi membetulkan jiwanya sendiri supaya dia jangan gila akhirnya.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, suka saya memaklumkan bahawa Kementerian tidak menggunakan nama doktor gila, kita panggil mereka Pakar Penyakit Jiwa. Saya harap rakyat pun dapat turut mengikut kerana tugas-tugas doktor ini adalah penting. Mengenai gaji mereka adalah sejajar dengan doktor-doktor dan pakar-pakar yang lain dan pada masa ini Kerajaan tidak mempunyai apa juga cadangan untuk menukar gaji itu.

INDUSTRI KE KAWASAN KURANG MAJU

8. Tuan M. Mahalingam minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan tindakan-tindakan pencepatan sedang diambil mengikut objektif perkembangan seimbangan di Wilayah-wilayah bagi memajukan perkembangan dan perusahaan-perusahaan ke kawasan-kawasan yang kurang maju di negara ini.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, penyelerakan industri-industri ke kawasan-kawasan kurang maju adalah menjadi salah satu dasar utama dalam program pembangunan perindustrian yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk mencapai objektif perkembangan seimbangan di wilayah-

wilayah. Beberapa langkah telah dan sedang diambil untuk mencapai tujuan ini. Di antaranya ialah:

- (a) Mengkaji semula insentif-insentif bagi kawasan-kawasan kurang maju;
- (b) Memberi keistimewaan kepada projek-projek perindustrian yang ditempatkan di kawasan-kawasan yang kurang maju untuk mendapatkan insentif-insentif;
- (c) Menubuhkan estet-estet perindustrian dan menyediakan kemudahan infrastruktur di kawasan-kawasan kurang maju. Setakat ini kira-kira 28 buah kawasan perindustrian yang merupakan 2,442 hektar telah dimajukan dalam negeri-negeri yang jatuh di bawah kawasan pembangunan, iaitu negeri-negeri Kedah, Perlis, Kelantan, Pahang, Sabah, Sarawak dan Trengganu. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat, dari sejumlah 2,555 hektar tanah perindustrian yang akan dimajukan, sebanyak 2,159 hektar atau 84.5% daripadanya akan dimajukan di kawasan-kawasan yang kurang maju;
- (d) Mempergiatkan lagi usaha-usaha promosi Pejabat-pejabat Wilayah Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia di negeri-negeri yang kurang maju supaya menarik minat pelabur-pelabur di negeri-negeri ini untuk menceburi projek-projek perindustrian.

Kerajaan telah mencapai kejayaan dalam usahanya bagi menyelerakkan industri-industri ke kawasan-kawasan yang kurang maju. Ini ternyata dari peraturan projek-projek yang telah diluluskan bagi kawasan-kawasan kurang maju yang bertambah dari semasa ke semasa. Misalnya dalam tahun 1980, dari sejumlah 460 projek-projek perindustrian yang diluluskan, 282 projek atau 61.3% telah ditempatkan di kawasan-kawasan kurang maju manakala dalam tahun 1971, daripada 304 projek yang diluluskan, hanya 131 projek atau 43.1% sahaja telah ditempatkan di kawasan-kawasan yang kurang maju.

Kerajaan akan meneruskan dasar dan usahanya untuk mempertingkatkan pembangunan perindustrian di kawasan-kawasan kurang maju dan akan juga mengambil langkah-langkah lain yang sesuai ke arah pencapaian matlamat ini.

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Mohamad: Saya ingin bertanya pihak Kementerian dalam menjemput pelabur-pelabur asing ke negara kita, saya nampak selain daripada Kerajaan Pusat pergi keluar negeri menjemput dan menerangkan projek-projek yang patut dilaburkan di negara ini maka Kerajaan-kerajaan Negeri juga berlumba-lumba di antara satu dengan lain ke luar negeri kerana menjemput pelabur-pelabur asing. Saya tumpang tanya apa motifnya perkara ini berlaku. Tidaklah memadai dengan Kerajaan Pusat pergi ke luar negeri menjemput dan menerangkan dasar-dasar ekonomi Kerajaan Malaysia ini kepada negara-negara asing, kepada pelabur-pelabur asing yang kita membenarkan Kerajaan-kerajaan negeri itu pergi di samping itu, kemudian yang menjadi anaiayanya kepada negeri-negeri yang tidak berkemampuan, tidaklah dia pergi keluar negeri dengan sebab tiada duit. Negeri ini tiada pelabur-pelabur yang datang ke negeri mereka. Langkah yang seumpama ini saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian sebagaimana yang kita sudah mengalami pada tahun-tahun yang lepas berlumba-lumba di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri menjemput pelabur-pelabur asing datang ke negara ini. Adakah langkah yang seumpama ini akan diteruskan dan apakah motifnya dan apakah faedahnya.

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, daripada soalan Ahli Yang Berhormat itu, saya mengambil kesimpulan bahawa asas kepada kebimbangan Ahli Yang Berhormat itu ialah bahawa negeri-negeri yang kurang maju yang tidak begitu kaya, yang tidak mempunyai banyak kewangan, Menteri Kewangan tidaklah dapat menghantarkan rombongan-rombongan pelaburan sepertimana yang dihantar oleh setengah-setengah negeri yang mungkin lebih mewah dari negeri yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Dan kebimbangan Ahli Yang Berhormat itu ialah di dalam keadaan itu bermakna bahawa negeri-negeri

yang kurang maju ini tidak akan dapat menarik minat pelabur-pelabur asing.

Tetapi suka saya memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa minat pelabur-pelabur asing tidaklah bergantung hanya kepada missi-missi pelaburan yang dihantar oleh negeri-negeri yang tertentu bahkan bergantung juga kepada dasar-dasar Kerajaan Pusat yang memberi layanan sepertimana yang saya sebutkan tadi, memberi insentif-insentif kepada penyelerakan atau membawa masuk industri-industri ini ke kawasan-kawasan kurang maju di negeri-negeri yang dianggap sebagai negeri yang kurang maju. Jadi, dari segi kebimbangan Ahli Yang Berhormat itu bahawa dengan adanya missi pelaburan yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri yang tertentu ini tidaklah menarik pelabur-pelabur asing ini hanya kepada negeri-negeri yang maju sahaja dan negeri-negeri yang kurang maju ketinggalan. Perkara ini tidak berlaku dan seberapa boleh Kementerian Perdagangan dengan missi-missinya, dengan rombongan-rombongan pelaburannya terus-menerus cuba menarik minat pelabur-pelabur asing kepada negeri-negeri yang kurang maju juga dengan memberi layanan-layanan yang istimewa.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ini bersabit dengan negeri-negeri. Saya pandang ini sebagai 'negeri dalam negeri'. Dalilnya kita lihat ada di antara negeri di dalam Malaysia ini ia sendiri pergi ke Eropah misalnya, ia sendiri menjalankan usaha-usaha yang tertentu bagi negeri mereka sendiri tanpa diketahui oleh Pusat, tanpa kebenaran daripada Pusat. Ini satu yang rasanya seolah-olahnya kita ada 'Kerajaan di dalam Kerajaan'. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menafikan ini yang sebenarnya ini tidak dibuat oleh negeri-negeri di dalam Malaysia ini.

Yang Kedua, adakah ini sahaja digalakkan oleh Pusat bahawa seluruh negeri ada mempunyai missi-missi tertentu yang ia boleh buat apa juga dia suka behubung dengan meninggikan industri dan sebagainya di dalam negerinya, dia boleh buat sendiri tanpa melalui Pusat.

Yang ketiganya, adakah baik? Pada pendapat saya, itu adalah tidak baik. Yang sebaiknya adalah melalui Pusat, kerana Pusat yang mempunyai kuasa yang tertinggi membangunkan industri seluruhnya di dalam negeri dalam Malaysia ini. Saya minta penerangan tiga soalan tadi.

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama, tentang sama ada ada 'Kerajaan di dalam Kerajaan' itu saya ingat tidaklah benar kerana kesemua Kerajaan Negeri dan Pusat adalah merupakan datangnya daripada satu parti, Parti Barisan Nasional yang telah menerima sokongan ramai rakyat yang memilih di setiap pilihanraya. Jadi tidak timbul soal Kerajaan di dalam Kerajaan. Itu jawapan yang pertama.

Yang kedua, tentang sama ada ada baiknya atau tidak, ini bergantung kepada keutamaan yang diberi kepada negeri masing-masing dan semua rombongan pelaburan yang melawat ke negeri asing selalunya diberitahu kepada Kementerian Perdagangan oleh kerana mereka perlu mendapat pertolongan dan bantuan daripada Kerajaan Pusat terutamanya daripada Kementerian Perdagangan dan juga dari Wisma Putra. Sekiranya mereka benar-benar ingin menghantar satu rombongan pelaburan. Kalau betul-betul dia ingin menghantarkan satu rombongan melawat ke negara asing untuk mencari peluang-peluang pelaburan sudah tentu mereka terpaksa meminta pertolongan daripada pejabat-pejabat Kementerian Perdagangan di luar negeri, pejabat-pejabat MIDA di luar negeri dan juga daripada kedutaan-kedutaan kita dan ini perlulah diberitahu lebih awal lagi kepada Kerajaan Pusat supaya setiap rombongan yang bertujuan untuk menarik pelaburan itu diberitahu kepada Kerajaan Pusat.

Soal tidak diberitahu itu tidak timbul, kerana setiap lawatan dimaklumkan kepada Kerajaan Pusat sekiranya lawatan itu bertujuan untuk menarik pelaburan. Tetapi dari segi Kementerian Perdagangan, Kementerian ini menggalakkan supaya Kerajaan-kerajaan Negeri menghantar wakil-wakil mereka untuk menyertai di dalam rombongan-rombongan pelaburan yang melawat ke negara-negara yang tertentu untuk menarik minat pelabur-pelabur asing dan

dalam tahun ini pun ada beberapa lawatan rombongan pelaburan yang akan dianjurkan oleh Kementerian Perdagangan dan MIDA dan di dalam rombongan ini digalakkan penyertaan daripada badan-badan di peringkat negeri untuk menyertai bersama dan cara ini lebih mudah diatur satu perjumpaan ataupun pertemuan dengan bakal-bakal pelabur asing oleh kerana kalau dilakukan secara ini mungkin dapat diaturnya perjumpaan dengan mereka pelabur-pelabur asing yang betul-betul berminat untuk datang melabur di negara kita dan tidaklah timbul keperluan pula untuk mengatur perjumpaan berasingan setiap kali satu rombongan daripada sebuah negeri yang lain pula yang datang dengan tujuan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Hajjah Fatimah binti Haji Salim.

Puan Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 9.

JALAN KUCHING/KEPONG— KESESAKAN LALULINTAS

9. Puan Rahmah binti Othman (di bawah S. O. 23 (2)) minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Jalanraya Kuching/Kepong didapati selalu sesak dengan lalulintas, jika sedar, sama ada beliau ada cadangan untuk meluaskan jalan tersebut oleh kerana apabila berlaku sesuatu kerosakan atau kemalangan, lalulintas berderet berbatu-batu panjangnya.

Tuan Idris bin Abdul Rauf: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Wilayah Persekutuan sedar akan kesesakan lalulintas yang selalu berlaku di Jalan Kuching/Kepong. Maka dengan itu, satu skim untuk membaiki jalan itu bagi mengatasi masalah kesesakan lalulintas yang berlaku akan dijalankan oleh JKR dan hingga pada masa ini Juruperunding untuk projek tersebut telahpun dilantik.

PELABURAN—KEMPEN MENG GALAKKAN

10. Datuk G. Pasamanickam minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau akan terus mengadakan lawatan keluar negeri untuk menarik lebih

banyak pelaburan dari luar negeri ke Malaysia seperti dilakukan oleh bekas Menteri Perdagangan dan Perindustrian dan jika ya, apakah negeri-negeri yang beliau bercadang untuk melawat.

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya akan meneruskan kempen menggalakkan pelaburan bagi tahun 1982 dan tahun-tahun selanjutnya. Seperti pada masa yang lalu, satu daripada aktiviti utama Kementerian ini ialah menguruskan dan melibatkan diri dalam misi galakan pelaburan, seminar serta pameran di negara-negara pengeksport modal.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, sektor perkilangan diharapkan menjadi sektor pertumbuhan yang utama di bawah Rancangan Malaysia Keempat dan 72.2 peratus daripada jumlah pelaburan yang dijangkakan dalam Rancangan Malaysia Keempat datangnya daripada sektor swasta. Daripada 72.2 peratus ini, 13 peratus atau kira-kira \$9.4 billion dijangka diperolehi dari aliran masuk modal jangka panjang swasta bersih (berbanding dengan \$6.9 billion dalam masa Rancangan Malaysia Ketiga). Pertambahan dalam aliran masuk modal jangka panjang swasta ini membayangkan sumbangan yang berterusan dan betapa pentingnya pelaburan dari luar negeri dalam pembangunan ekonomi Malaysia.

Bagi mencapai matlamat Rancangan Malaysia Keempat, usaha menarik pelaburan dari luar negeri seharusnya digandakan. Dalam hubungan ini Yang Berhormat Mulia Menteri sendiri akan mengetuai dua buah misi pelaburan keluar negeri dalam tahun 1982, iaitu:

- (i) Misi Pelaburan ke Oslo, Vienna dan Milan pada akhir Februari hingga pertengahan Mac, dengan objektif mengadakan hubungan langsung dan berkesan dengan cara mengadakan perbincangan dengan bakal-bakal pelabur di negara-negara tersebut. Di samping itu, misi tersebut juga dapat menjelaskan kepada mereka tentang peluang pelaburan, kemudahan dan insentif yang ditawarkan oleh Malaysia;

- (ii) Misi Pelaburan ke Amerika Syarikat (Los Angeles, Chicago, Cleveland dan New York) dan Toronto, Kanada dalam bulan September. Tujuan misi ini ialah untuk menambahkan pengaliran masuk projek-projek pelaburan daripada negara-negara tersebut ke Malaysia.

Selain itu, misi pelaburan juga akan diuruskan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia ke German Barat, Hong Kong, Jepun, Korea Selatan dan Australia pada tahun ini dengan objektif yang sama.

ASEAN—BEKALAN SENJATA OLEH AMERIKA SYARIKAT

11. Tuan Haji Ibrahim Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada benar bahawa Amerika sanggup membekalkan senjata kepada Asia Tenggara dan bersedia membantu Negara-negara ASEAN khususnya Thailand menentang ancaman dari Russia dan Vietnam; jika benar nyatakan sama ada ASEAN telah mengubah sikap berkecualinya atau keadaan memaksanya untuk menerima bantuan luar itu.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato' Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, saya menjawab bagi pihak Menteri Luar Negeri.

Amerika Syarikat memang menganggap Asia Tenggara sebagai satu kawasan penting terutama sekali dari segi strategi dunia dan kepentingan ekonominya.

Untuk mengukuhkan kepentingannya ia telah menjalinkan perhubungan rapat dengan Negara-negara Asia Tenggara yang bukan komunis menyokong konsep Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN) yang dikemukakan oleh negara-negara ASEAN dan dalam usaha negara-negara ASEAN untuk mencari penyelesaian politik terhadap masalah Kampuchea. Amerika Syarikat terus mengekalkan persediaan pertahanan yang meliputi daerah ini melalui Pacific Command di Subic Bay Manila dan Seventh Fleet sekiranya kepentingannya diancam oleh pihak-pihak asing yang lain.

Mengenai soalan Yang Berhormat sama ada Amerika Syarikat sanggup membekalkan senjata kepada Asia Tenggara dan membantu ASEAN khususnya Thailand menentang ancaman asing bolehlah diperlihat dari scope kepentingan Amerika di Asia Tenggara. Ternyata pihak Amerika ingin melihat kawasan ini dalam keadaan aman dan stabil dan dengan demikian kepentingannya pun terjamin. Namun begitu di antara negara-negara ASEAN hanya Philipina dan Thailand yang mempunyai perjanjian pertahanan dengan Amerika Syarikat.

Malaysia dan Singapura pula adalah anggota Perjanjian Five Power Defence Arrangement yang tidak termasuk Amerika Syarikat. Ini tidak pula bermakna bahawa ASEAN telah mengubah sikap berkecualinya dengan adanya perjanjian pertahanan bersama tersebut. Ini merupakan sebagai satu hak asasi bagi setiap negara untuk melengkapkan dirinya bagi mempertahankan negaranya sendiri dari ancaman luar yang juga adalah salah satu daripada prinsip Piagam Bangsa-bangsa Bersatu.

Walau bagaimanapun, yang penting bagi tiap-tiap negara ASEAN ialah yakin kepada ketahanan negaranya sendiri untuk menghadapi ancaman yang mungkin datang dari mana-mana pihak. Adalah diharapkan juga bahawa kerjasama ekonomi dan sosial antara negara-negara ASEAN akan dilipatgandakan supaya setiap negara ASEAN dapat mencapai kemakmuran dan kesejahteraan negara masing-masing untuk ketahanan dan kepentingan kawasan ini.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Mengikut penerangan Yang Berhormat Menteri yang mewakili Menteri Luar Negeri secara tidak langsung umumnya kita tahu sekarang bahawa Philipina dan Thailand adalah bersatu tetap di bawah bantuan Amerika. Ini dijaga sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri bagi perjanjian bersama antara dua negara itu. Tetapi, kita boleh menarik perhatian dunia sekarang ini bahawa mahu tidak maju Philipina dan Thailand dua buah negara ini kita sudah istiharkan sebagai anggota ASEAN-lima negara yang bersatu yang kita lambangkan negara yang tetap berkecuali, bebas dan tidak campur siesiapa

pun, Kerajaan apa juga dalam dunia ini. Ini saya rasa menjadi tanda soal di situ, di manakah pendirian kita sebenar-benarnya kalau dinamakan ASEAN. Sebab kalau dua daripada tangan kita itu-Philipina dan Thailand ada di sebelah yang menjadi satu kekuatan Kerajaan tertentu. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Menteri meyakinkan dunia dengan keadaan macam ini kita terus dianggap sebagai ASEAN-bebas, berkecuali dan tidak campur tangan. Saya amat meneliti apa Yang Berhormat Menteri katakan tadi memanglah Philipina dan Thailand bukan baharu tetapi sudah lama mengikut sejarah yang telah lalu mereka adalah pro Amerika. Jadi, saya hendak soal sekali lagi, dunia amnya meyakinkan sepenuhnya bahawa ASEAN sebenarnya bebas, berkecuali dan berdiri sendiri dengan tidak campur sebarang kuasa asing, jika dua di antara sahabat kita ini dengan berpendirian sebagai Yang Berhormat Menteri sebutkan.

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, apabila ASEAN mengisytiharkan konsep rantau aman, bebas dan berkecuali dahulu, keadaan tatkala itu terdapat di kalangan negara-negara anggota ASEAN adalah tersedia adanya pengkalan seperti yang saya sebutkan tadi dan adanya Perjanjian Pertahanan di antara Philipina, Thailand dan Amerika Syarikat. Jadi, itu merupakan tapak permulaan apabila negara-negara ASEAN mengisytiharkan konsep rantau aman, bebas dan berkecuali, ianya merupakan satu konsep yang akan mengambil masa untuk pelaksanaannya dan akan dilakukan secara peringkat berperingkat. Jadi pada permulaan keadaan adalah seperti yang saya sebutkan tadi dan apabila konsep ini dapat secara beransur diterima dan diamalkan maka secara pengunduran ataupun langkah-langkah untuk mengurangkan kerjasama dengan kuasa-kuasa yang telah tersedia ada oleh negara-negara anggota ASEAN ini juga akan dikurangkan. Jadi, oleh kerana ZOPFAN itu tadi adalah satu konsep yang perlu diterima oleh semua pihak sebelum ianya dapat dilaksanakan sepenuhnya maka negara-negara anggota ASEAN ini juga akan langkah untuk mengurangkan kerjasama di segi bidang perjanjian pertahanan dengan kuasa-kuasa besar. Sehingga ini di antara kuasa-kuasa besar yang telah mengiktirafkan

konsep rantau aman, bebas dan berkecuali ini termasuklah Amerika syarikat dan Republik Rakyat China tetapi pihak Soviet Union masih belum lagi mahu mengiktiraf ataupun mengakui konsep yang telah kita tonjolkan ini mereka masih berdiam diri. Dalam keadaan demikian, langkah berikutnya iaitu pengurangan kerjasama dalam bidang ketenteraan oleh anggota-anggota ASEAN itu juga masih ditunggu-tunggu lagi sehingga adanya pengiktirafan sepenuhnya terhadap konsep kita ini tadi.

KAIN BATIK YANG DIIMPORT

12. Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar terhadap kemasukan sama ada dengan cara seludup atau import cara 'HALAL' kain-kain Batik dari Negeri Thai ke negara ini, khususnya di Kelantan, dan sama ada beliau sedar bahawa penyeludupan/kemasukan kain batik Thai itu ke negara ini, telah mengancam pengusaha-pengusaha Batik Tradisional di Negeri Kelantan.

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, pengimportan kain-kain Batik dari Negeri Thai ke Malaysia tidak dilarang disisi undang-undang dan ianya boleh diimport oleh setiap orang dengan tertakluk kepada pembayaran cukai import sebanyak 50% *ad valorem*, 5% cukai tokok dan 5% cukai jualan. Mengikut rekod yang ada di Jabatan Kastam dan Eksais di Raja Malaysia, pengimportan kain-kain batik secara sah dari Negeri Thai adalah sederhana sahaja dan bernilai kira-kira \$4,500 di Kelantan dan \$3,200 di Kedah dan Perlis. Kadar cukai yang tinggi seperti tersebut di atas adalah untuk melindungi pengusaha-pengusaha batik tempatan di samping itu pengusaha-pengusaha tempatan perlu juga lebih bergiat lagi untuk meningkatkan mutu dan daya pengeluaran bukan sahaja untuk pasaran tempatan tetapi juga untuk pasaran eksport.

Dari penyiasatan-penyiasatan dan kes-kes tangkapan dan rampasan yang diperolehi juga dari maklumat yang diterima, didapati penyeludupan batik Siam adalah secara kecil-kecilan sahaja yang dilakukan oleh pelancung-pelancung dan peniaga-peniaga kecil yang membawa beberapa helai sahaja. Tiada

terdapat penyeludupan secara besar-besaran dilakukan. Walau bagaimanapun Kerajaan sentiasa mengawasi kegiatan penyeludupan ini terutama di kawasan sempadan Malaysia/ Thailand.

Dato' Sulaiman bin Ninam Shah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah pihak Kementerian sedar yang pembawa batik daripada negeri Siam ini sebagaimana kata Timbalan Menteri yang berkenaan secara kecil-kecilan tetapi yang sebenarnya dengan lori-lori trak yang besar-besar melalui sempadan. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar atau tidak, kalau sedar apa tindakan patut diambil. Ini yang pertama.

Yang kedua, adakah pihak Kementerian ini sedar kalau tidak diharamkan kain-kain batik daripada negeri Siam ini masuk ke tanahair kita ini peniaga-peniaga batik di negeri Kelantan dan Trengganu akan hapus tidak berapa lama lagi.

Yang ketiga, kalau sekiranya kata Timbalan Menteri tidak mahu diharamkan apa sebab tidak mahu diharamkan batik luar negeri ini dari masuk ke tanahair kita. Kerajaan Singapura sendiri mengharamkan batik Indonesia masuk ke Singapura oleh sebab Singapura ada buat batik. Ini kerana menjaga kepentingan orang-orang kita Melayu, bumiputra kita yang membuat batik apa salahnya besok juga diadakan satu undang-undang atau peraturan dengan seberapa segera diharamkan batik ini masuk ke tanahair kita. Adakah boleh dibuat begini ataupun Kerajaan memikirkan patut peniaga Melayu ini gulung tikar ataupun tutup.

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, soal sama ada saya sedar atau tidak tentang penyeludupan secara berluri-lori, saya rasa satu persoalan yang harus ditanyakan kepada diri Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri kerana kalau benar-benar Ahli Yang Berhormat itu mempunyai bukti bahawa ada penyeludupan yang dilakukan secara besar-besaran berbanding dengan laporan yang saya terima daripada Jabatan Kastam maka perlulah Ahli Yang Berhormat membuat laporan dengan tidak tergesa-gesa, jangan menunggu kepada sidang Dewan kerana ini membuang masa dan dalam

menunggu-nunggu sidang Dewan peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha batik yang diperjuangkan itu mungkin sudah lingkup perniagaan mereka kalau ditunggu lama sangat.

Tuan Yang di-Pertua, tentang soal sama ada Kerajaan akan menimbangkan pengharaman pengimportan batik daripada negeri Siam sepertimana saya telah berikan dalam jawapan saya bergantunglah kepada kedudukan perkara ini dan daripada maklumat-maklumat yang telah diterima oleh Kementerian setakat ini menunjukkan bahawa penyeludupan itu dilakukan secara kecil-kecilan dan kedua, pengimportannya yang dilakukan secara sah pun tidaklah begitu besar. Walau bagaimanapun, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mempunyai juga minat untuk melindungi pengusaha-pengusaha batik daripada tekanan-tekanan seperti yang mungkin datang daripada batik-batik tiruan dari negeri Siam dan sepertimana saya telah menyatakan dalam jawapan asal saya bahawa Kerajaan sentiasa mengawasi kegiatan penyeludupan ini terutama di antara Malaysia dengan Negeri Thai.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hingga 21 adalah diberi di bawah ini).

SYARIKAT TERTUTUP KEPUNYAAN SYARIKAT ASING

13. Dato Haji Mohd. Nor Mohamad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) bilangan syarikat-syarikat tertutup iaitu syarikat-syarikat dan cawangan-cawangan syarikat kepunyaan seratus peratus oleh orang-orang atau syarikat-syarikat asing;
- (b) apakah langkah-langkah diambil di atas mereka untuk menyusun semula pemilikan modal syarikat-syarikat ini dengan secepat mungkin; dan
- (c) sama ada ia bersetuju dengan langkah-langkah negara ASEAN yang lain

bahawa syarikat tertutup ini patut membayar 10% tambahan cukai pembangunan.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj):

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat Disember 31, 1981, terdapat sejumlah 934 syarikat-syarikat tertutup atau syarikat-syarikat dan cawangan-cawangan syarikat kepunyaan seratus peratus oleh orang-orang atau syarikat asing. Daripada jumlah ini 15 adalah syarikat pengilang yang diberi Lesen Pengilang.
- (b) Syarikat-syarikat pengilang yang berjumlah 15 itu tidaklah dikenakan syarat untuk menyusun semula ekuitinya oleh kerana mereka mengeksploitasi 100% keluaran mereka. Ini adalah sejajar dengan strategi perindustrian Malaysia. Berkenaan dengan syarikat-syarikat lain itu, mereka dikehendaki menyusun semula ekuiti mereka sejajar dengan garis panduan Jawatankuasa Pelaburan Asing.
- (c) Setahu saya, negara-negara ASEAN, lain daripada Malaysia tidak ada mengenakan cukai pembangunan ke atas mana-mana syarikat. Di Malaysia cukai ini dikenakan pada kadar 5% ke atas mana-mana syarikat atau orang perseorangan yang mendapat pendapatan daripada punca perniagaan atau sewaan harta benda di Malaysia. Kerajaan tidaklah berhajat menukar kadar cukai pembangunan buat masa ini.

PENDATANG HARAM INDONESIA—PENDAFTARAN

14. Dr Choo Kooi Fook minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk mendaftarkan semua pendatang Haram Indonesia yang ada dalam Negeri ini sekarang dengan tujuan untuk mengetahui siapa mereka itu sebenarnya dan apabila mereka diberhentikan kerja mereka akan dihantar balik ke Indonesia.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Musa Hitam): Jawapan kepada soalan ini telah saya berikan semasa menjawab soalan Yang Berhormat Tuan K. Kumaran pada 15-12-1981.

Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

PASARAN SAHAM COMMONWEALTH/ EEC—SAHAM MALAYSIA

15. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyakkah saham-saham yang dipegang oleh Malaysia dalam Pasaran Saham Commonwealth dan EEC.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Saya percaya maksud Yang Berhormat ialah saham yang dipegang oleh Kerajaan Malaysia di pasaran saham London dan negara-negara yang menjadi ahli European Economic Community (EEC). Kerajaan pada masa ini ada memegang saham-saham di pasaran saham London, sebagai memenuhi keperluan peraturan pasaran saham London mengenai Kumpulan Wang Penjelasan atau Sinking Fund. Mengikut peraturan tersebut, Malaysia mesti memegang sejumlah saham tertentu apabila Kerajaan mendapatkan pinjaman di pasaran tersebut. Saham-saham tersebut akan dipegang oleh kita sehingga semua pinjaman telah dibayar balik pada tahun 1991. Saham-saham ini diuruskan oleh 'Crown Agent' dan jumlah nilainya pada 31-10-1981 ialah Sterling £12.811 juta atau bersamaan \$56.122 juta ringgit mengikut kadar pertukaran sekarang.

Kerajaan Malaysia tidak memegang apa-apa saham di pasaran saham negara-negara EEC.

KAPAL LAUT UNTUK JEMAAH HAJI KE MEKAH—PEMBELIAN

16. Tuan Haji Tuan Yaacob bin Haji Engku Yunus minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk membeli kapal-kapal laut untuk membawa Jemaah Haji ke Mekah memandangkan melalui Kapal Laut, para Jemaah Haji boleh membawa lebih dari 100 kati, barang keperluan seperti makanan dan lain-lain.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Kerajaan tidak bercadang untuk membeli kapal-kapal laut bagi maksud membawa Jemaah Haji ke Mekah kerana bilangan mereka yang memohon untuk pergi dengan Kapal Laut adalah sangat kurang dan perangkannya adalah seperti berikut:

Tahun	Memohon Pergi dengan Kapal Laut	Memohon Pergi dengan Kapal Terbang
1979 ..	395	10,021
1980 ..	19	14,210
1981 ..	45	22,659

Tambahan kepada itu pula perkhidmatan Kapal Laut hanya dapat diadakan jika jumlah permohonan dari bakal-bakal haji tidak kurang daripada 3,000 orang. Mengenai perkara Jemaah Haji hendak membawa makanan ke Tanah Suci perlu diambil ingatan bahawa peraturan kesihatan Arab Saudi tidak membenarkan apa jenis barang makan sekalipun dibawa masuk kecuali barang-barang di dalam tin sahaja.

KEKECOHAN DI NEGARA-NEGARA TIMUR TENGAH—PENDIRIAN MALAYSIA

17. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah pendirian Kerajaan di atas konflik atau kekecohan yang semakin berlarutan di negara-negara Timur Tengah;
- (b) adakah Kerajaan sedia campurtangan atau memberi kerjasama kepada mana-mana negara Islam yang ingin mengambil inisiatif atau usaha untuk mereda dan mendamaikan percakaran di antara negara-negara Islam di Timur Tengah; dan
- (c) sama ada kekecohan di negara-negara Timur Tengah, boleh mengakibatkan terjejasnya hubungan Malaysia dari segi ekonomi atau diplomatik dengan negara-negara tersebut.

Menteri Luar Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Saya akan

memberi jawapan kepada ketiga-ketiga pecahan soalan dari Ahli Yang Berhormat mengikut susunan soalan tersebut:

- (a) Pendirian Kerajaan terhadap konflik Arab-Israel, atau yang biasa disebut sebagai masalah Asia Barat adalah bahawa masalah Palestin merupakan masalah pokok dalam perkara ini, dan sehingga masalah utama ini iaitu masalah Palestin diselesaikan ataupun sehingga rakyat Palestin mencapai hak-hak asasi yang dituntuti oleh mereka, kemungkinan untuk mencapai keamanan yang sebenar dan berpanjangan di Asia Barat tidak akan dialami oleh masyarakat antarabangsa. Dalam perkara ini kita berpendapat bahawa penyelesaian yang adil, komprehensif dan berpanjangan mestilah mengandungi ciri-ciri berikut:
- (i) pengunduran oleh tentera Israel dari semua wilayah Arab yang ditakluki termasuk kawasan suci Baitul Muqaddis;
 - (ii) Hak rakyat Palestin untuk menentukan masa hadapan mereka hendaklah dihormati dan diterima termasuk hak-hak asasi mereka untuk mewujudkan sebuah negara mereka sendiri yang merdeka di tanah air mereka; dan
 - (iii) Bahawa Organisasi Pembebasan Rakyat Palestin (PLO) iaitu wakil tunggal rakyat Palestin yang sah hendaklah diterima dengan sepenuhnya di dalam semua proses perundingan untuk mencapai keamanan.
- (b) Sama ada Kerajaan bersedia untuk mengambil bahagian untuk menyelesaikan konflik di antara negara-negara Islam tidak berbangkit sama sekali. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia bersama negara-negara Islam yang lain seperti Arab Saudi telah mengambil peranan menganjur dan berusaha menubuhkan Pertubuhan Persidangan Islam. Dan juga semenjak tertubuhnya Pertubuhan

Persidangan Islam, Kerajaan kita telah sentiasa berusaha untuk memupuk dan menggalakkan perpaduan dan kerjasama antara negara-negara Islam. Sesungguhnya peranan Malaysia dalam perkara ini adalah jelas kelihatan. Ini adalah satu-satunya sebab mengapa negara kita mendapat penghormatan dan sanjungan di kalangan negara-negara Islam khasnya dan negara-negara dunia amnya.

Kerajaan mempunyai kepercayaan penuh bahawa tidak ada pengorbanan yang lebih mulia daripada berusaha dengan sepenuh-penuhnya untuk mewujudkan keamanan dan perpaduan di antara negara-negara Islam. Dalam konteks ini, Malaysia telah bersama-sama negara-negara Islam yang lain berusaha untuk menyelesaikan konflik Iran-Iraq. Malaysia juga telah sentiasa menggesa supaya negara-negara Islam mewujudkan kerjasama sosio-ekonomi dan kebudayaan yang berkesan dalam rangka Pertubuhan Persidangan Islam dan dalam hubungan dua-hala satu sama lain. Kita berpendapat bahawa kerjasama yang semacam ini akan dapat menghapuskan perasaan perasangka yang buruk dan akan kelak menggalakkan wujudnya suasana kestabilan dan kemajuan di kalangan Ummah.

- (c) Sama ada konflik di Asia Barat akan menjejaskan hubungan Malaysia dengan negara-negara di rantau tersebut tidak berbangkit dengan alasan-alasan yang telah saya berikan itu. Apa yang lebih penting ialah bahawa konflik di Asia Barat itu, atau di mana-mana sahaja akan membawa kepada campurtangan yang meluas oleh kuasa-kuasa besar di dalam negara-negara membangun.

**PENGARAH/TIMBALAN PENGARAH
PELAJARAN NEGERI—PERLANTIKAN**

18. Datuk G. Pasamanickam minta Menteri Pelajaran memberikan perincian mengenai

perlantikan Pengarah-pengarah dan Timbalan Pengarah Pelajaran semua negeri Semenanjung Malaysia mengikut pecahan kaum dan apakah cadangan Kementerian untuk memberi keseimbangan di antara semua kaum dalam negeri ini untuk memegang jawatan-jawatan tersebut.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawatan-jawatan Pengarah dan Timbalan Pengarah Pelajaran Negeri adalah suatu jawatan kenaikan pangkat dan bukan secara perlantikan. Pemilihan untuk mengisi jawatan tersebut adalah berdasarkan kepada kesesuaian, kebolehan, pengalaman, kekangan seseorang pegawai itu dan di dalam hal ini kaum sesuatu pegawai itu tidak dijadikan sebagai kriteria kenaikan pangkatnya.

SISTEM PUNCH CLOCK

19. Tuan Haji Ibrahim Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan sama ada:

- (a) semua jabatan dan pejabat kerajaan telah mengamalkan sistem 'Punch Clock' yang baharu sahaja dikuatkuasakan; dan
- (b) sebuah unit khas untuk mengawas disiplin dan pelaksanaan sistem 'Punch Clock' itu akan ditubuhkan.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim Abdullah, setelah menjalankan percubaan dan kajian bagi 12 agensi, Jabatan Perdana Menteri telah mengeluarkan arahan supaya sistem itu digunakan di semua agensi-agensi Kerajaan termasuk Kerajaan Negeri pada tahun ini. Segala masalah mengenai cara-cara bagi mendapatkan mesin dan alat-alat lain sedang dijalankan dan agensi-agensi Kerajaan telah diminta berhubung terus dengan pihak Pembendaharaan untuk mendapatkan bekalan dengan sewajarnya.

Pengawasan pelaksanaan sistem perakam kad kedatangan adalah diserahkan pada Ketua-ketua Jabatan/Kementerian. Apa-apa tindakan tatatertib yang akan diambil terhadap kakitangan/pegawai mestilah mengikut peraturan-peraturan yang telah sedia ada.

PENYALAHGUNAAN "AGAMA"

20. Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan memandangkan Agama Islam sebagai Agama Rasmi Negara yang tercatat dalam perlembagaan dan sejak akhir-akhir ini adanya parti politik tertentu menggunakan Agama bagi kepentingan politiknya sehingga memecah-belahkan bukan sahaja perpaduan dan persefahaman masyarakat di sesuatu tempat, malah berlakunya cerai berai antara suami isteri dan sebagainya sama ada kerajaan bercadang perkara menyalah gunakan "AGAMA" itu sebagai satu perkara sensitif yang boleh diambil tindakan di bawah Undang-undang tertentu.

Dato' Musa Hitam: Soalan yang hampir sama telahpun dijawab di Dewan ini pada 11-1-1981 semasa menjawab soalan dari Yang Berhormat Tuan Haji Tuan Yaacob bin Haji Engku Yunus. Saya tidak bercadang membuat apa-apa tambahan terhadap jawapan tersebut.

UNIVERSITI TEMPATAN— PENGAMBILAN PELAJAR BUKAN MELAYU

21. Tuan Alexander Lee minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian bertujuan untuk menambahkan tempat-tempat yang ada di Universiti-universiti tempatan untuk mengambil lebih pelajar bukan Melayu, memandangkan bahawa yuran-yuran di Britain telah dinaikkan yang menyebabkan sukar bagi ibubapa-ibubapa bukan Melayu untuk menghantar anak-anak mereka ke Britain.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Kementerian Pelajaran mempunyai matlamat untuk menambahkan tempat-tempat di universiti-universiti tempatan supaya setiap universiti dapat mencapai jumlah pelajar antara 8,000 hingga 10,000 orang. Pada akhir Rancangan Malaysia Keempat, Universiti-universiti tempatan akan dapat melebihi pengambilan pelajar daripada kira-kira 5,500 orang pada 1980 kepada kira-kira 8,000-9,000 orang pada 1985. Bagi pengambilan pelajar bukan Bumiputra ke universiti-universiti tempatan, dasar Kerajaan adalah jelas iaitu dengan menambahkan 2% pengambilan

pelajar bukan Bumiputra pada keseluruhannya sehingga nisbah 55:45 antara Bumiputra dan bukan Bumiputra tercapai.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG MEMBAHARUI UNDANG-UNDANG (PENGHAPUSAN SAMSU GELAP) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan kali menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas Masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (11hb Januari, 1982).

3.35 ptg.

Dato Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976.

Saya yang sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, tak dapat membaca undang-undang asal, iaitu Penghapusan Samsu Gelap 1976, tak ada naskahnya, cuma yang ada naskah pindaan ini sahaja. Di dalam pindaan ini nampaknya dua perkara sahaja yang hendak dipindanya, iaitu masalah jaminan kepada orang yang kena tuduh sama ada meminum samsu gelap, membuat ataupun memperdagangkan.

Di dalam bahagian (a), "Jika kesalahan yang dilakukan itu boleh dikenakan hukuman penjara selama lebih daripada lima tahun", orang yang kena tuduh itu tidak boleh dijamin.

(b), "Jika kesalahan yang dilakukan itu boleh dikenakan hukuman penjara selama lima tahun atau kurang dan Pendakwaraya memperakui secara bertulis bahawa bukanlah bagi kepentingan awam untuk memberi jaminan kepada orang tertuduh itu".

Walaupun ayat ini saya tidak berapa bersetuju tetapi tak apalah, ayat undang-undang. Sekarang ini semenjak kita menggunakan Bahasa Kebangsaan naskah sahinnya bermacam-macam cara, tetapi walau

macam manapun saya mengucapkan tahniah fasal digunakan Bahasa Kebangsaan dan saya memuji bahasa yang digunakan ini adalah bagus, cuma setengah-setengah sahaja seperti orang yang tertuduh". Kalau "yang tertuduh" tak usah sebut "orang", "yang tertuduh" sudah cukuplah, bagi perkataan orang puteh barangkali, saya tak erti orang puteh tetapi kalau "orang yang tertuduh" apa guna lagi tambah, dalam Bahasa Melayu cukup, dalam bahasa undang-undang kata "yang tertuduh" sahaja sudah. Jadi kalau yang tertuduh itu kesalahannya lima tahun ke atas tak boleh jamin ataupun yang tertuduh itu lima tahun ke bawah tetapi ada akuan daripada Pendakwaraya mengatakan orang ini kalau dilepaskan, kalau dijamin mendatangkan huru-hara ataupun mencederakan ketenteraman awam, ini sahaja yang hendak dipinda. Jadi pindaan inipun saya menyokong.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah sama ada minuman keras, sama ada dadah dan sebagainya saya pun tidak berapa faham falsafah-falsafah yang digunakan oleh Kerajaan dalam mengharamkan sesuatu perkara dan menghalalkan sesuatu perkara yang lain. Di dalam Islam memang terang tiap-tiap perkara yang mendatangkan mudarat itu memang diharamkan oleh ugama. Tiap-tiap perkara yang tidak mendatangkan mudarat itu terpujanglah kepada masing-masing, itu terang di dalam ugama kita sudah dibuat satu prinsip seumpama itu. Tetapi di dalam falsafah yang digunakan oleh Kerajaan sekarang tidak begitu nampaknya, banyak perkara-perkara yang mendatangkan mudarat kepada ugama tidak diharamkan, cuma diambilkan sahaja, misalnya di dalam masalah samsu ini. Di dalam takrif samsu ini termasuklah arak, tapai dan sebagainya, peminumnya itu tidak diharamkan selagi tidak mencedera atau mengganggu ketenteraman awam, tetapi kalau sampai kepada mengganggu ketenteraman awam barulah perkara itu menjadi salah. Ini logiknya memang ada. Kalau kita melihat kepada hukum Islam pun memang begitu misalnya di dalam soal arak, pada masa mula-mula dahulu dilarang; memang ugama Islam tidak melarang minum arak dengan sekali gus, mula-mula dilarang begitu sahaja, disebut minuman keras, minuman yang memabukkan

itu adalah ada faedahnya dan ada mudaratnya. "Fihima-ithmun kabir wa-manafiu'linnasi wa-ithmuhuma akhbaru linnasi fihima".

Dalam Al-Quran ada disebut begitu. Arak itu bukan tidak ada faedahnya, ada juga faedahnya tetapi kalau dibandingkan faedah dengan mudaratnya maka mudaratnya lebih besar daripada manfaatnya dan ditinggalkan begitu sahaja kepada orang-orang Islam ataupun pengikut-pengikut Nabi Muhammad S.A.W. kepada orang-orang yang berakal kalau sekiranya perkara itu mendatangkan mudarat lebih besar daripada manfaat, banyak orang Islam meninggalkan arak, tak mahu lagi meminum air yang memabukkan itu tetapi sebahagian besar daripada orang Islam masih minum lagi kerana dia ketagih. Perkara itu dia sudah minum mengikut zaman datuk neneknya lagi, sudah menjadi adat kebudayaan mereka.

Pada akhirnya sekali, selepas daripada itu turunlah larangan yang tegas yang tidak ada tolak ansurnya lagi iaitu ayat yang terang dan tegas menyatakan: *Innamal khamru wal-maisir wal-azlam rijsun min-'amalisyaitanu fajtanibuhu la'allakum tuflihun*. Sesungguhnya arak, judi bertenung nasib dan sebagainya itu adalah perkara yang tak baik daripada perbuatan syaitan, hendaklah kamu semua meninggalkannya. Jadi ditegah oleh ugama. Maka begitu jugalah nampaknya falsafah yang dipakai oleh Kerajaan pada masa sekarang dalam membuatkan undang-undang samsu ini, sama ada samsu terang ataupun samsu gelap. Jadi kepada Kerajaan barangkali kalau hendak diharamkan semua sekali, orang ramai masih hendak minum arak. Ini adalah kepentingan, sehingga ada setengahnya terbit pendapat, saya mendengar dengan telinga saya sendiri orang ada mengatakan ini adalah satu maksiat yang perlu. Jadi rupanya ada juga orang memikirkan arak itu satu maksiat yang perlu, nampaknya ada maksiat yang perlu, ada maksiat yang tidak perlu. Kepada saya, tak tahulah hak yang mana maksiat yang perlu, mana maksiat yang tak perlu-kepada saya kalau maksiat itu semuanya tak perlu tetapi kepada orang ini peminum itu dibahaginya maksiat itu kepada dua perkara: ada maksiat

yang perlu, ada maksiat yang tak perlu seumpama minuman keras ini oleh kerana sudah menjadi minuman kepada umat manusia di seluruh dunia dikatakan walaupun perkara maksiat tetapi maksiat yang perlu.

Barangkali Kerajaan kita mengambil jalan tengah. Oleh kerana dianggap maksiat itu maksiat perlu jadi minuman samsu, minuman arak minuman yang memabukkan itu kalau dibuat, kalau diminum, kalau dijual dengan ada lesen maka tak apa, itu terang. Kalau sekiranya tak ada lesen, itu tak boleh, itu salah. Jadi di situ timbul kekeliruan. Kemudian apakah meminumnya pula begitu juga, tetapi sekadar jangan sampai memabukkan dan mengganggu ketenteraman awam. Kalau sekiranya seseorang itu minum sampai memabukkan, mengganggu ketenteraman awam; membawa motokar pula, maka dia salah dan dihadapkan ke mahkamah. Dia akan kena denda, kena hukum kerana dia membawa motokar dalam masa mabuk tetapi kalau dia mabuk dalam rumah dia sendiri tak mengganggu ketenteraman awam, tak apa, biarlah dia minum walaupun tak sedar dua hari dua malam. Jadi perkara itu terpulanglah kepada tafsiran Kerajaan sendiri. Kepada saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua, barangkali orang mengatakan saya orang ugama tetapi perkara ugama ini sebenarnya bukan terletak pada diri seseorang tetapi terdiri kepada umum. Apa yang dikatakan oleh ugama itu putih, putihlah; hitam, hitamlah. Dalam masalah minuman keras ini daripada segi ugama memang tidak dibenarkan sebagaimana saya katakan tadi, mula-mula dilarang dengan nasihat sahaja, kemudian selepas itu dilarang dengan sekeras-kerasnya supaya ditinggalkan. Kerajaan kita telah melihat dalam perkara minuman yang memabukkan ini, dibuatlah undang-undang, orang-orang tidak boleh menjual minuman ini tanpa lesen, sama ada yang gelap atau yang terang. Itu kerana merugikan hasil negara, merugikan khazanah negara.

Yang kedua, orang yang minum itu dia tidak boleh mengganggu ketenteraman awam. Sekarang timbul pula orang-orang yang miskin. Malangnya kebanyakan orang-orang yang minum samsu itu terdiri daripada kaum India, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya kata begitu disebabkan orang Melayu kurang

dalam bahagian ini. Jadi orang India yang cukup syok minum samsu ini oleh kerana perkara samsu terang itu mahal, itulah sebabnya pembuat yang hendak membuat samsu itu, barangkali siapa pun boleh buat sama juga dengan masakan-masakan yang lain. Kalau orang pandai memasak sup, orang pandai masak kari, maka tidak ada sebab dia tahu memasak samsu, cuma undang-undang sahaja melarang. Sup boleh dibuat, kari boleh dibuat tetapi samsu tak boleh. Jadi inilah yang menyebabkan orang membuat samsu gelap. kemudian dia sudah tahu kalau membuat samsu gelap kalau buat sedikit pun salah, banyak pun salah. Jadi kata orang Trengganu: Alang-alang buat biarlah banyak. Inilah yang didapati samsu gelap itu dibuat berderam-deram di dalam hutan-hutan kecil. Apakala berderam-deram, tong-tong yang besar dibuat dan disediakan, jadi peminum-peminum itu pun begitu juga seumpama orang kelaparan ataupun orang yang suka pada satu perkara, apakala jumpa, togok sahajalah. Inilah yang menyebabkan saudara-saudara kita orang India yang minum samsu gelap itu kadang-kadang dengan sebab minum karat besi itu, kadang-kadang deram itu bercampur racun dan sebagainya menyebabkan kematian dan sebagainya. Jadi buat undang-undang macam mana pun diangkat dendanya, dipinda undang-undang ini seperti sekarang ini, lepas daripada undang-undang ibu datang pula undang-undang tambahan, saya fikir walau macam mana pun samalah juga orang yang mempunyai harta dengan pencuri. Kehendak orang yang mempunyai harta supaya dia dapat hidup dengan aman damai harta dia itu terselamat, tetapi kehendak pencuri itu tidak begitu, dia mesti mencari harta, mencari peluang apa sahaja bagaimana hendak dapat harta orang kaya itu sama ada dengan jalan mencuri, sama ada dengan jalan merompak, sama ada dengan jalan merampas dan sebagainya.

Jadi Undang-undang yang ada dihadapan kita sekarang ini dipinda kepada dua seksyen, iaitu orang-orang yang kena tuduh dalam perkara ini jangan kita beri jamin. Itu pun satu perkara baik. Orang yang kena tangkap itu, tidak usah beri jamin tetapi dibunuh syarat. Bukan semuanya, iaitu kalau tuduhan itu menyebabkan lima tahun ke atas. Orang yang dituduh di bawah seksyen yang patut didenda

lima tahun ke atas, orang itu tidak patut dijamin.

Satu lagi, kalau sekiranya dia didenda lima tahun ke bawah, tetapi ada surat daripada Pendakwa Raya mengatakan orang ini kalau dilepaskan mendatangkan bahaya, itu juga tidak boleh dijamin. Kepada saya bagus belaka, kerana perkara ini, perkara mendenda orang yang meminum samsu. Tetapi saya sendiri ingat kalau sekiranya orang yang meminum samsu gelap ini begini hukumannya, apa hal pula di negara kita ini. Banyak orang-orang Iban seumpama di Sarawak, mereka juga meminum tapai, sejenis daripada samsu. Menjadi kebanggaan mereka pada hari-hari besar dan sebagainya, sebab satu daripada caranya mereka itu menghormati tetamu-tetamu yang datang dengan mengemukakan air tapai. Di Trengganu kalau dikatakan tapai itu, satu makanan yang lazat, yang dibuat daripada ubi atau pun daripada pulut yang dibubuh ragi di dalamnya, makanan yang sedap. Tetapi tapai di sini ialah air samsu. Kalau orang Trengganu mereka tidak tahu tapai. Tapai ini kalau sekiranya orang tidak biasa minum, katanyalah saya wallahua'lam, saya tidak tahu, kalau kena secawan atau segelas sahaja, tombang selalu. Tombang selalu orang itu. Itulah dia punya pukulan atau bahananya.

Jadi dengan Undang-undang ini nampaknya kepada bumiputra di Sarawak ataupun di Sabah misalnya tidak termasuk, telah terlepas. Jadi orang itu bebas. Pada asasnya mereka itu adalah menghidupkan kebudayaan datuk nenek mereka. Kerana mereka itu semenjak dijadikan oleh Allah subhanahu wata'ala daripada zaman berzaman memang mereka itu meminum tapai, minuman yang dipusakai daripada datuk neneknya lagi. Jadi kalau mereka itu buat, mereka itu tidak berhajat kepada lesen dan kepada kebenaran. Ianya boleh dibuat dan berapa cupak, berapa gantang mereka minum, boleh minum di rumah panjang dan sebagainya. Ini satu perkara, jangan kita mengharamkan di Malaysia Timur tetapi kita membiarkan di Malaysia Barat pada hal benda yang kita hendak haramkan itu lebih kurang sahaja. Yang samsu gelap itu sama ada dibuat daripada air tuak, air kelapa, air nira dan

sebagainya. Di sana pun dibuat daripada itu juga, lebih kurang sahaja. Cuma ini dibuat tidak berdasarkan kebudayaan, yang itu dibuat berdasarkan kebudayaan.

Kepada saya, dalam perkara-perkara yang seumpama ini falsafahnya itu hendaklah falsafah yang liberal, falsafah yang meluas. Tidak boleh kita falsafah bagi satu pihak diharamkan, bagi pihak itu halal. Kalau kita hendak haram, haramkan semua sekali. Jadi apa yang sesuai dengan Islam tetapi perkara ini bukan Undang-undang dibuat mengikut Islam. Undang-undang ini dibuat ialah berdasarkan falsafah kebangsaan yang sama sekali tidak berdasarkan Islam. Walau macamanapun, kalau mengikut Islam, ianya berdasarkan mudarat dan manfaat. Mana yang mendatangkan mudarat, itu diharamkan oleh agama.

Jadi kalau Kerajaan boleh ikut cara ini bukankah molek. Mana-mana minuman yang mendatangkan mudarat sama ada samsu atau tapai, semuanya hendaklah diharamkan sama sekali. Kalau Kerajaan kata hendak kenakan lesen, itu terpulanglah kepada Kerajaan, kerana barangkali Kerajaan hendak ambil duit. Begitu juga perkara-perkara yang lain, sebagaimana yang kita tahu di dalam negara kita ini perkaranya telah berlaku kesalahan, iaitu dua perkara. Satu berdasarkan agama Islam maka diletakkan di bawah Mahkamah Syariah; satu lagi kesalahan kebangsaan diletakkan di bawah Mahkamah Civil yang menjalankan. Semuanya menjadi salah.

Di dalam Mahkamah Syariah ada yang diperuntukkan. Tetapi yang menjadi peliknya sekali sebagaimana yang saya selalu sebut, di sini di dalam memperuntukan Mahkamah Syariah yang diberi kepadanya di bawah Jadual Kesembilan, Senarai 2 itu masih lagi kuasanya diambil oleh Mahkamah Civil. Jadi peruntukan yang diberi kepada Mahkamah Syariah yang sedikit itu masih lagi kerdil lagi sedikit. Bertambah sedikit kerana dibuat pula peraturan mana-mana keputusan Mahkamah Syariah, jika berlawanan atau bercanggah dengan Mahkamah Civil maka keputusan Mahkamah Civil itulah yang dipakai. Manakala keputusan Mahkamah Syariah itu tertolak.

Perkara-perkara yang seumpama ini, kepada orang macam saya ini, perkara ini tidak dapat ditelan. Perkara yang seumpama ini sepatutnya kalau kita sudah membahagikan satu perkara, perkara syariah, ini satu perkara kebangsaan yang mana ianya tidak boleh diganggu. Itu yang betul. Kita buat pagar. Kita buat macam tembok Berlin. Berlin Timor, Berlin Barat - senang. Orang Berlin Barat tidak boleh pergi ke Berlin Timor, melainkan dengan kelulusan. Ini tidak. Ada dibuat pagar tetapi orang Mahkamah Civil boleh pergi ke Mahkamah Syariah, orang Mahkamah Syariah tidak boleh pergi ke Mahkamah Civil. Kalau kedua-duanya membuat keputusan, hak yang ini pakai, yang ini tidak pakai. Ini saya hendak bercakap di dalam pindaan Mahkamah Kehakiman. Tetapi perkara ini ialah mengenai samsu gelap sahaja, jadi tidak boleh saya bercakap panjang dalam perkara ini. Saya minta sebanyak maaf, kerana saya terpaksa bercakap di dalam Dewan yang mulia ini perkara-perkara yang seumpama ini. Kalau saya tidak bercakap, barangkali hati kecil saya ini terkata-kata, conscience saya.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya nampak Kerajaan apakala ia memandang sesuatu perkara itu, ia memandang pula kepada akibatnya.

Seumpama dadah, apakala Kerajaan memandang yang dadah ini satu perkara yang berat maka hukumannya selalu dipinda-pindakan, diberatkan lagi. Apakala ia mendapati orang-orang ini masih lagi menghisap dadah, lalu diadakan pula pusat pemulihannya.

Sekarang ini timbul pula masalah tempat pemulihan dadah di negeri kita. Kerajaan kita ini ialah Kerajaan demokrasi, tidak sebagaimana Kerajaan-kerajaan setengah dunia, kalau sekiranya orang-orang yang membahaya kepada negara itu ia tidak patut disimpan lama. Orang ini dihapuskan sahaja begitu. Seperti apa yang berlaku di negeri China, jadi Kerajaan pun senang, tetapi kita tidak. Kita tidak mahu menghapuskan orang-orang macam ini walau pun dia menjadi kaki dadah dan sebagainya jadi diadakan tempat pemulihannya daripada satu tempat kepada

satu tempat dipulihkan orang ini. Pemulihannya alhamdulillah—baguslah, tetapi apakala dia keluar daripada tempat pemulihannya, dia bercampur gaul dengan kawan-kawannya yang dahulu. Lepas itu datang semula kepada adat yang lama, ketagih balik, minum balik, tangkap balik, pulih balik, begitulah keadaannya. Orang yang minum samsu ini kalau sekiranya dia sudah ketagih, sama macam dadah juga, memang sama macam dadah, sudah menjadi darah daging dia. Walau macam mana pun dia dipenjar, walau macam mana pun dia didenda, dia masih minum. Jadi kenapa Kerajaan tidak mengadakan tempat pemulihan samsu pula, sama seperti pemulihan dadah.

Mengadakan satu tempat, satu pulau takdirnya. Kalau Pulau Jerjak itu diadakan kerana tempat pemulihan dadah, adakah pula sebahagian daripada Pulau Langkawi misalnya. tempat pemulihan samsu, sambil dia tengok orang membuat batu mar-mar itu ia boleh belajar begitu begini. Senang dikawal. Bukankah bagus itu, tetapi Kerajaan tidak buat. Barangkali saya fikir dengan falsafah Kerajaan ini, kalau dia tengok terlampau banyak orang yang mabuk samsu ini, boleh menjadi terlampau seperti anti-dadah, masa itu baharu ia akan buat balik, satu tempat pemulihan samsu tetapi begitulah keadaannya. Tempat pemulihan samsu apakala sudah jadi parah, baharulah akan dibuat.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempokkan selama 30 minit.

Dato Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Terima kasih.

Persidangan ditempokkan pada pukul 4.00 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.33 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

4.33 ptg.

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun

untuk menyambung ucapan saya yang baru sekejap tadi.

Dalam perkara untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976 ini, saya telahpun menerangkan pandangan-pandangan saya dalam perkara ini dan saya suka menambah sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Oleh kerana di negara kita Malaysia ini penduduk-penduduknya adalah terdiri daripada berbagai-bagai kaum, tidak satu kaum sahaja, kosmopolitan, jadi kaum-kaum ini menganuti berbagai-bagai agama. Walaupun Uagama Islam adalah tercatat sebagai agama rasmi negara, tetapi pihak Kerajaan dalam melaksanakan hukum-hukum, Kerajaan banyak memandang kepada majoriti, muslihat penduduk-penduduk di dalam negara ini. Sebab itulah kita melihat undang-undang yang dibuat ini banyak kali dipinda menurut muslihat-muslihat penduduk-penduduk itu sendiri. Jadi dalam masalah samsu ini telah dibuat pindaan kali yang kedua. Apakala dipandang bahawa undang-undang yang pertama yang dibuat itu tidak begitu memberi kesan dan masih lagi berbuat perkara-perkara yang patut dipinda, maka pada hari ini telah dibawa dua pindaan baru iaitulah orang-orang yang tertuduh di dalam penglibatan samsu gelap ini tidak boleh dijamin kalau sekiranya tuduhan ke atasnya melibatkan hukuman 5 tahun ke atas ataupun 5 tahun ke bawah tetapi dengan akuan Pendakwa Raya yang orang ini mendatangkan mudarat kepada muslihat umum. Inilah pindaannya.

Jadi macam saya kata tadi pihak saya sendiri memang menyokong tiap-tiap perkara yang semacam ini, tiap-tiap langkah Kerajaan yang membawa kepada memusnahkan ataupun mencegah berlakunya maksiat itu memang saya sokong 100% kerana kalau menurut hukum ugama Islam orang-orang yang meminum samsu ini mabuk, orang itu patut dihukum dengan dera, bukan sahaja dengan penjara tetapi digodam orang ini dengan 40 rotan. Di masa Saidina Umar ditambah 40 lagi jadi 80 rotan. Itu terpulanglah kepada pemerintah. Jadi hukuman semacam ini bukan padan dengan penjara, kalau dipenjar sebagaimana penjara zaman sekarang ini, penjara yang diawasi oleh Bangsa-bangsa

Bersatu pula, di dalam penjara tidak boleh didapati di dalamnya perkara-perkara yang boleh mengganggu kesihatan dan sebagainya, seolah-olah penjara itu satu hotel kecil pula. Jadi, bagaimana penjenayah ini hendak takut, banyak penjenayah-penjenayah hendak masuk penjara dengan sebab dia kata masuk penjara makan bagus dan rehat. Kalau sekiranya makan tidak bagus, Bangsa-bangsa Bersatu akan menghantar wakilnya melihat dan akan membuat bangkangan, komplek kepada Kerajaan kita dan akan bercakap di sana, jadi hodoh pula Kerajaan kita, Kerajaan terpaksa pula di dalam penjara itu adakan kari ayam sekurang-kurangnya seminggu sekali, daging dan susu. Jadi, inikah orang masuk penjara? Kalau zaman dulu orang masuk penjara, dia makan ikan kering, kemudahan kakinya kena rantai, sebab itu orang tidak mahu masuk penjara.

Di dalam hukum Islam tiap-tiap hukuman itu biar berkesan. Kalau kita pukul anak kita, biarlah pukulan itu berkesan, biar dia takut, sebagaimana kebanyakan orang Cina apakala dia pukul anaknya kita nampak kesihan, sebab dia pukul cukup kuat. Tetapi anak dia itu apakala kena pukul dia mengambil pelajaran, dia tidak buat lagi, sebaliknya kepada bangsa-bangsa lain pukul anaknya dengan tidak sahaja, ambil rotan-“peng”, pukul anak kononnya. Anak itu meronta, ludah kepada dia. Ini tidak kena, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi apa boleh buat kerana kita tertakluk di bawah Bangsa-bangsa Bersatu terpaksa kita ikut. Penjara kita juga jadilah hotel kecil. Hinggakan baru-baru ini di Pulau Jerejak barangkali kerana masak nasi lemak, memberontak. Cuba fikir, nasi lemak sudah diberi, tetapi kerana lauk begitu-begitu sedikit, berontak dan sebagainya. Sebab itulah dalam Islam, kalau orang yang melakukan perkara ini, sama ada kena di penjara atau tidak, pukul dia 40 rotan. Apakala dia sudah merasa 40 rotan, dia sudah serik tidak buat lagi. Kalau buat, beri lagi dia sampai 80 rotan. Itu hukuman Islam, bermakna biar berkesan dia kena.

Jadi pihak kita ini Kerajaan cuma tambah sahaja, tidak boleh jamin. Maknanya tiap-tiap orang salah itu kalau melakukan kesalahan boleh jamin. Tidak boleh simpan dia 24 jam di dalam lock-up kerana keadilan kononnya,

melainkan kerana orang minum samsu ini terlampau dahsyat dia apakala dilepas dia hendak pergi minum lagi, dia hendak merayau lagi, hendak mengacau lagi maka tidak usah jaminlah dia. Kalau hukuman itu 5 tahun ke atas ataupun ke bawah daripada 5 tahun tetapi dengan akuan daripada Pendakwa Raya mengatakan orang ini merbahaya tidak boleh jamin. Sekadar tidak boleh jamin, bukan dia mesti dihukum 5 tahun, bawa ke mahkamah itu terpulang kepada hakim. Barangkali kalau hakim kata tidak cukup peruf dia dilepaskan begitu sahaja atau boleh jadi hakim hukum satu hari sahaja—maksimanya 5 tahun. Tentang minimanya satu hari pun boleh, satu jam pun boleh, tidak ada apa-apa.

Itulah sebab saya kata perkara ini walau bagaimanapun, saya menyokong, kerana ini satu denda dinaikkan. Itu terpulang kepada budibicara Kerajaan kita. Terpulang kepada budibicara Peguam Negara kita. Pada masa ada Menteri Kehakiman kita, terpulanglah kepada budibicara Menteri Kehakiman kita. Tetapi sekarang Menteri Kehakiman kita tidak ada, yang adanya Peguam Negara sahaja. Jadi, terpulanglah kepada Peguam Negara melihat.

Kepada saya, saya fikir hukuman-hukuman yang semacam ini tidak cukup. Ini tidaklah maknanya boleh mengurangkan penjenayah-penjenayah daripada orang yang minum, orang yang memperdagangkan ataupun orang yang melakukan jenayah di dalam samsu gelap.

Dalam tahun 1963 saya melawat India dengan jalan Study Tour. Nasib saya baik jugalah saya dapat pergi ke Madras dan Mysore. Di sana apakala saya menginap di hotelnya ada dalam rombongan saya itu seorang yang suka minum minuman keras. Rupanya di India pada tahun 1963 diharamkan semua minuman keras dalam negerinya. Yang boleh di hotel-hotel untuk orang luar sahaja bukan untuk anak negeri. Jadi, saya bertanya kepada orang India itu, adakah haram ini kerana mengikut agama Islam? Dia kata ini tidak ada kena-mengena dengan agama. Ini ialah berdasarkan kebangsaan sahaja. Ini berdasarkan perasaan kebangsaan (nasional) dia.

Pada masa saya pergi itu Perdana Menteriya ialah Pandit Nehru. Pada fikirannya kalau sekiranya minuman keras ini lebih-lebih lagi samsu ini dibenarkan kepada rakyat India memanglah rakyat India itu suka minum todi; barangkali hari-hari berapa banyak orang yang mabuk todi dalam parit bergelempangan dan sebagainya. Dengan sebab itu kerana hendak memelihara imej rakyat India maka samsu dan todi ini diharamkan di seluruh India.

Saya terfikir kalau sekiranya India memandangkan seumpama ini iaitulah satu daripada muslihat nasional dia mengharamkan todi dan samsu ini kita di Malaysia ini yang ugama Islam kita ialah menjadi ugama rasmi ini sudah sesuai 100%, kerana sebagaimana yang saya katakan tadi menurut ugama Islam kita tiap-tiap perkara yang mendatangkan mudarat memang diharamkan oleh ugama kita. Kalau kita tanya berkenaan dengan minuman keras ini, tanya rakyat kalau kita buat satu referendum misalnya, tanya tiap-tiap orang tentulah kita akan mendapat jawapan kebanyakannya mengatakan minuman keras yang memabukkan ini adalah merbahaya dan mudarat. Itu jawapan dia. Sedikit sahaja orang-orang yang mengatakan tidak apa iaitu kaki-kakinya sahaja. Kemudian kalau kita membuat pemeriksaan pula, kita tanya Kerajaan India, 100% dia menyokong. Kita boleh mengatakannya. Tidak dengan nama ugama tetapi dengan nama kebangsaan.

Kita menjaga imej rakyat Malaysia walaupun Malaysia ini mengandungi rakyat yang kosmopolitan ataupun bermacam-macam kaum tetapi oleh kerana rakyat ini berteraskan kebudayaan Melayu dan negaranya berugamakan ugama Islam maka oleh kerana samsu, todi dan minuman yang haram ini adalah mendatangkan mudarat maka negara tidak mengizinkan, tidak menjadi apa.

Tidak ada satu soal, kalau hendak dikatakan barangkali ada juga orang tidak puas hati nanti orang bising maka saya berani tegaskan di sini iaitu tidak ada dalam dunia ini perkara 100% orang puas hati dan 100% orang yang tak berbunyi. Walau macam mana baik sekali pun mesti ada pihak yang tidak puas hati. Ini dunia namanya. Maka kita

melihatkan kepada majoriti. Begitulah dalam masalah-masalah lain. Bukan masalah samsu gelap, minuman haram sahaja, masalah judi misalnya. Masalah judi ini satu masalah yang memapakan rakyat negeri ini.

Kita kasihan melihatkan pekerja-pekerja bawahan, mereka itu mendapat \$10, \$15 sehari yang ada mempunyai anak isteri di kampung tinggal anak isteri pergi bekerja di ladang-ladang, bekerja dengan kontraktor-kontraktor bekerja dengan kilang-kilang dan sebagainya tetapi apakala dia sudah menjadi kaki judi segala-galanya dia lupakan. Dia berjudi, apakala dapat gaji—ada orang yang dapat gaji tidak balik ke rumah sampai dua tiga hari tinggal kerja; apa hendak jadi jadilah kerana dia punya impian itu, dia membina mahligai di depannya—orang itu sedang membina mahligai. Kalau dia berjudi dengan jalan terup, impiannya berapa buah rumah batu dia boleh dirikan—dua, tiga, empat kerana duit dia itu akan habis. Kalau dengan jalan dam dia akan pergi haji, naik haji—naik haji yang tidak berserban. Akhirnya, wangnya akan habis (*Ketawa*). Kalau begitulah gayanya orang-orang ini berjudi, hingga habis sudah jadi papa baharulah dia balik ke rumah. Kalau sekiranya perkara judi ini juga bagaimana yang diterangkan dalam ugama kita—ugama Islam sudah menerangkan dengan terang, dengan jelas, judi memang merbahaya, mudarat sama dengan minuman yang haram tadi, ayat yang saya bacakan tadi itu: *Innamal khamru wal-maisir wal-azlam rijsun min-'amalis syaitan*.

Dalam Quran ada ditegaskan berkenaan perkara ini. Saya kena minta izinkan baca Quran? Saya bertanya ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana Quran ini adalah Ugama Islam ugama rasmi negeri ini. Quran ini ibunya, jadi kalau dibaca itu kena minta izin juga, saya fikir tidak.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Selain daripada Bahasa Malaysia kena.

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Mohamad: Ya, tetapi iaitu ugama rasmi Malaysia. Saya fikir membaca ugama rasmi Malaysia tidak payahlah minta izin.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu bacaan Arab, bukan ugama.

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Mohamad: Ya, bahasa ugama pun memang bahasa Arab.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Bukan semuanya.

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Mohamad: Quran itu ibu dia. Ibu ugama Islam itulah Quran dalam bahasa Arab, kita bacakan itu menjadi tugas kita. Dalam Quran menyebutkan judi ini adalah satu daripada perkara yang diharamkan oleh ugama mestilah ditinggalkan dia. Tetapi Kerajaan kita macam saya katakan tadi, dia membuatkan sesuatu itu dengan falsafahnya. Kalau judi tidak boleh buat, macam samsu juga tidak boleh buat dalam gelap tetapi terang boleh.

Jadi kalau siapa hendak berjudi ambil lesennya, sama ada meja bolanya, sama ada di kelab-kelabnya—hak yang besar lagi, sama ada di atas Bukit Genting dan sebagainya itu boleh. Kalau sekiranya tak ambil lesen dibuat ramai-ramai—jaga, polis nanti serbu. Kalau dapat tangkap dibawa ke mahkamah, kena denda. Dalam ugama tak kira lesen, perkara itu mudarat, perkara yang mudarat tetap haram, tak boleh.

Saya fikir, Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini moleklah pihak Kerajaan fikir buat analisa begitu. Tiap-tiap perkara yang mendatangkan mudarat tak usaha kiralah ugama tak ugama, perkara yang mendatangkan mudarat haramkan dia, sama ada terang sama ada gelap, samsu ini sama ada terang, sama ada gelap—haram, judi sama ada terang, sama ada gelap—haramkan semua sekali kerana dia mendatangkan mudarat.

Kita sedang membina rakyat Malaysia yang berjiwa tinggi, kita sedang membina bangsa Malaysia, bangsa yang tinggi, satu bangsa yang kita mahu bangsa yang mulia di Tenggara Asia ini, tidak lagi bangsa yang kena jajah seperti dahulu tetapi bangsa yang seumpama bangsa Jepun, bangsa yang tinggi dan sebagainya. Bagaimana kita hendak jadi bangsa yang tinggi kalau sekiranya Kerajaan mendirikan sekolah begitu banyak, daripada sekolah rendah sampai sekolah menengah, sampai kepada universiti tetapi yang keluar daripada sekolah ini pergi berjudi di sana, pergi hisap dadah di sana, pergi minum samsu

dalam gelap di sana. Ini merupakan rakyat apa macam ini, tidak seperti rakyat yang dipelihara betul-betul, macam kita baca dalam sejarah bagaimana Hitler dalam masa dia memerintah negeri Jerman, dia mahu jadikan rakyat Jerman itu rakyat kelas satu di Eropah, sebab itulah dia dirikan negeri Jerman itu dengan tidak ada pilihanraya dan sebagainya, dia juga Ketua dan Raja, dia dirikan universiti, dia dirikan fakulti sana, dia dirikan fakulti sini.

Dalam tahun 1939 apakala Jerman mengisytiharkan peperangan dunia yang kedua, di dalam negeri Jerman pukul rata tiap-tiap 5 orang, ada satu orang yang bertaraf doktor—kemuliaan Jerman, tetapi nasib apa boleh buat, Hitler nasib tak baik, dia jatuh, negeri Jerman dipecah dua tetapi dia boleh menciptakan di dalam sejarahnya iaitu tiap-tiap 5 orang Jerman, seorang doktor. Bila kita hendak jadikan tiap-tiap 5 orang satu doktor, kalau sekiranya tiap-tiap 5 orang satu penagih dadah, tiap-tiap 10 orang satu penagih samsu, tiap-tiap 20 orang, satu penagih judi, saya fikir lambat lagi. Dengan sebab itu Kerajaan mesti mengadakan satu falsafah yang tegas, lebih-lebih lagi dalam masa pemerintahan 2M kita sekarang ini—Dato' Seri Dr Mahathir dan Dato' Musa Hitam mesti tegas dalam perkara ini, peduli apa. Kita mestilah buat satu referendum kepada rakyat, kita mahu jalankan ini dengan tegas. Saya fikir dengan cara ini, kita boleh buat.

Walau bagaimanapun, saya tidaklah hendak bercakap panjang, nanti orang kata saya bercakap terlampau panjang pula dalam Majlis-majlis seumpama ini, jadi saya menyokong Rang Undang-undang ini dan saya harap bukan sekadar ini melainkan sebagaimana saya kata tadi patut dihapuskan langsung tetapi sekadar ini oleh kerana ia dua seksyen sahaja maka dua seksyen inilah yang saya sokong pada hari ini tetapi saya harap pihak Kerajaan akan menggubal satu pindaan yang menyeluruh supaya samsu ini sama ada gelap ataupun terang diharamkan, begitulah juga perkara-perkara maksiat yang lain. Sekian, terima kasih.

4.55 ptg.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya di dalam

Akta ini pada mulanya tidaklah hendak saya membahaskan tetapi oleh kerana bila membaca Akta ini diulang kembali walaupun perkara ini telah diperkatakan oleh saudara-saudara saya Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, mungkin apa yang saya bahaskan nanti atau diperkatakan mungkin berulang sebagaimana yang telah diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat saudara-saudara saya semalam sampai pada hari ini, tetapi pada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin: Fadzakir faina zikra tampa ulil mukminin. Ertinya, maka memberi ingat itu, ulang mengulang kaji itu adalah lebih manfaat bagi kita golongan manusia yang yakin dan percaya kepada bahagian undang-undang dan peraturan. Maka dengan ini saya bangun juga rasanya bertanggungjawab kalau tidak berkata walau sepatih sekalipun.

Dalam Akta untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976 ini, saya harus tidak bercakap panjang tetapi tak panjang pun sekadar yang perlu, di mana kita perhati walaupun Akta ini telah ditentukan dalam bahagian (a) iaitu dikenakan hukuman penjara selama 5 tahun, pergi kepada bahagian (b), dikatakan pula, boleh dikurangkan jika Pendakwaraya memperakuinya.

Dalam hal ini, saya ingin bertanya tidakkah boleh pihak Kerajaan mengharamkan langsung samsu gelap atau terang ini, bagitu juga dengan arak, judi dan zina. Cuma kita kaji bila dipinda Akta demi Akta, bila diperbaharui peraturan demi peraturan yang kita dapati didendakan hanya sekadar dengan siksa atau didendakan dengan pembayaran \$500 sedangkan kita pandang yang \$500 ini kalau orang yang berhajat kepada sesuatu itu adalah menjadi kecil kepada dia untuk membayar dendanya, tak menjadi satu masalah untuk mereka membayarnya. Begitu juga dalam menjalankan hukuman penjara 5 tahun dalam keadaan zaman sekarang bukanlah lama masanya. Sebab itu kalau dipandang bagi orang yang ketagih dalam sesuatu bahagian ini tidak ada apa sesuatu kepada mereka.

Maka apa yang saya syorkan di sini selain daripada yang tertulis dan termaktub di dalam Akta ini tidakkah boleh didendakan dengan

siksa yang lebih berat dari yang dihadkan ini, moga-moga dengan ini dapatlah pihak yang melakukan itu merasa serik daripada melakukan perbuatan yang tidak menfaat itu.

Tuan Yang di-Pertua, kerana kita sekarang sibuk dengan dadah kalau dipandang perkara dadah ini satu isu yang begitu hangat tetapi kita tidak sedar. Ini juga ada bahayanya dan mendatangkan bahayanya lebih dahsyat lagi daripada dadah yang kita bahaskan. Cuba kita lihat kejadian di Baling dahulu ada dikatakan cara gelap, ada yang dikatakan cara terang tetapi sedarkah Kerajaan perkara minuman keras ini atau samsu menurut istilah pengetahuan "balarah", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya benda minuman keras ini sama juga seperti kata saudara saya Yang Berhormat sebentar tadi di mana kalau menurut istilah pengetahuan yang kenyataan dalam segi minuman ini, pantang seseorang itu menempuh gelas yang pertama. Jika kepada seseorang itu diajukan, diberi gelas yang pertama maka amat sulit kalau dia hendak meninggalkan jika tidak dia lanjutkan gelas yang kedua dan ketiga. Jadi, sebab itulah dalam perkara minuman-minuman yang menjadi bahaya ini, saya pandang kalau boleh hendaklah pihak Kerajaan tegas benar-benar dalam hal yang disebutkan ini walaupun sekarang disebut hanya sekadar yang gelap. Gelap dan terang itu kepada kita cuma istilah sahaja, kalau manusia itu dia hendak melakukan sesuatu, kalau sudah menjadi ketagih kepada dia, dia tak kira terang dan gelap. Jadi sebab itu saya ulangkan kalau boleh Kerajaan mestilah tegas dalam hal ini.

Apabila kita hendak tegas dalam hal ini, saya sudah terbayang di ruang mata saya, tentu dijawab oleh Menteri Undang-undang bahawa undang-undang Islam tidak ada terbentuk di dalam negara kita. Tentu dijawab demikian, kalau tidakpun dalam bayangan tetapi kita tidak patut timbul masalah itu. Sebab kita sama-sama tahu ada negara yang bukan dijalankan dengan hukum Islam tetapi oleh kerana benda yang dilakukan itu bahaya maka boleh dibuat undang-undang mengharamkannya. Kenapa dan mengapa kita tidak boleh kalau mudarat sudah menjadi-jadi di dalam tanahair kita? Kita tidak dapat bezakan cuma pada jenis benda itu

sahaja disebut samsu gelap atau terang, todi, arak dan begitu juga jenis minuman yang memabukkan. Pendek kata, sama-samalah kalau dari segi pendapat hukum undang-undang, kita semua tahu dari segi hukum Islam bagi kita orang Melayu yang beragama Islam memanglah tidak boleh menghampiri benda-benda yang disebut itu.

Tak usahlah didalih, tak usahlah didolal-dalakkan: Ini ubat. Saya perhatikan ada juga orang yang berani memberi fatwa begitu. Itu orang yang berani. Saya tidak berani, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi ada orang yang berani yang mengatakan kalau jadi ubat tak apa. Itu pertama. Yang kedua, ada pula istilah, kalau tidak mabuk tidak mengapa. Tetapi dalam masalah hukum kalau manusia boleh membuat undang-undang, kalau sudah undang-undang itu dilanggar, mesti dihukum seperti didenda, dijel, dilokap apa lagi undang-undang Tuhan, kalau sudah tidak boleh, tetapi tidak boleh. Biarlah sama ada negara itu berjalan berbentuk hukum Islam atau tidak, maka hukum yang sudah ditentukan oleh Allah itu bukan semata-mata khususnya untuk umat Islam bahkan untuk orang yang bukan Islam juga akan terselamat kalau tinggalkan apa yang dilarang dan tidak benda yang menjadi mudarat. Sebab soal ubat itu banyak jenis ubat yang boleh kita cari. Kenapa kita mesti cari ubat yang mahal-mahal? Saya pernah menyatakan kepada orang yang mencari alasan minum untuk menjadi ubat iaitu Allah telah menentukan ubat yang free of charge, tak kena bayar seperti akar kayu yang begitu hebat sekali, jenis ubat tradisional banyak. Jadi kenapa kita mesti mencari ubat yang boleh menjadi mudarat semata-mata alasan ubat.

Kalau alasan tidak memabukkan, itu ada orang-orang yang tertentu, ada badan yang tak tahan panas jangankan minuman yang memabukkan, sedangkan dia minum benda yang tidak memabukkan datang kepanasan sehingga bergaduh dalam rumahtangga dan bertengkar dalam rumahtangga. Adakah pihak Kerajaan sedar akibat judi, akibat arak, akibat dadah? Berapa banyak pergolakan dalam rumahtangga telah berlaku hari ini sehingga seorang suami tak sanggup menanggung nafkah isteri kerana menghadapi pengaruh benda yang demikian. Jadi ini sudah

mudarat. Kalau hendak dikatakan terang tidak terang, tetapi gelaplah kerana berlaku dalam rumahtangga pergaduhan itu. Siapa yang ingin bertanya. Kalau orang bertanya, ini masalah dalam rumahtangga, kita jawab. Tetapi berapa banyak orang yang minum samsu yang melebihi biarpun dia bukan beragama Islam, tetapi ada pergolakan di dalam rumahtangganya? Berapa ramai golongan orang kaya yang mempunyai banyak wang, saya pernah mengatakan kepada orang yang gila minum, saya katakan kalau hendak minum jangan minum benda yang murah, kerana menjadi mudarat, minumlah benda yang paling mahal supaya menjadi betul-betul sihat, tetapi kalau soal ekonomi lawan dengan yang mahal bagaimana? Jadi soal benda seperti arak, samsu, judi dan sebagainya walaupun tidak disebut dalam Akta ini tetapi benda ini kita tidak nampak dari segi ekonomi bahkan bahaya, segi ekonomi sudah terang-terang terkandas.

Dari segi kesihatan cuba kita perhatikan berapa banyak pesakit yang terbaring di rumah sakit. Akhirnya, bila sudah pencen kata doktor lain penyakit tak ada, lemah jantung. Kenapa dahulu penyakit ini tidak begitu banyak? Sama juga dengan kencing manis, darah tinggi dan sebagainya? Tetapi kenapa dan mengapa sekarang banyak penyakit itu? Kasihan kita tengok, apabila sudah pencen seorang itu baru hendak rasa nikmat kegembiraan setelah bekerja bertungkus-lumus, tiba-tiba terbaring di rumah sakit. Kerana lemah jantung. Bila diselidiki secara mendalam apa punca lemah jantung itu ialah akibat lebih minum. Jadi itulah pada pandangan saya kalau saya hendak memperkatakan soal hukum seperti Yang Berhormat Senator Dato' Mahmoud Salim tadi memang banyak, tetapi tak usahlah nanti banyak kawan-kawan mengatakan ini bukan Dewan untuk membahaskan hukum Islam dan sebagainya, tetapi fahamlah kita apa yang sudah ditetapkan oleh undang-undang Islam. Hukum yang dilarang oleh Tuhan itu bukan khususnya untuk menyelamatkan umat Islam sahaja, tetapi untuk menyelamatkan seluruh manusia yang ada di dalam negara kita ini.

Dalam masalah hukum, masalah peraturan ini kita dapati di negara-negara yang bukan menjalankan hukum Islam mereka boleh

mengharamkan benda-benda ini kerana memandangkan mudarat itu barangkali mereka sudah membuat kajian.

Jadi di dalam soal Fiqh (Islamic Law) dalam undang-undang ini tidak ada satupun yang terbatas kepada manusia yang beragama Islam. Apa yang dibuat ialah untuk menyelamatkan seluruh manusia di alam maya bumi ini.

Jadi inilah saya tekankan maka akhir daripada apa yang saya katakan tadi sebagai sambungan daripada ucapan dari Ahli-ahli Yang Berhormat dari semalam lagi ingatlah tanggungjawab Kerajaan dalam meminda akta dan masalah ini saya fikir masalah yang tak begitu berat untuk melaksanakannya. Kalau sekiranya Kerajaan rasa takut dan rasa bertanggungjawab kepada pihak Tuhan Rabbul-Jalil dengan satu perkataan syubhat kita takkan terlepas daripada apa yang kita kerjakan, maka dengan itu saya usulkan di masa akan datang di waktu kita hendak meminda sesuatu akta gelap atau yang terang yang menjadi bahaya atau tidak berhati-hatilah pihak Kerajaan, bercermatlah. Kerajaan hendak meminda akta itu boleh memanggil satu badan bermuzakarah dari semua aspek, semua bahagian dan boleh bertukar fikiran dan kemudian sesudah mendalami betul-betul barulah akta itu dibentangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini supaya dapat kita mengambil jalan tengah. Kata Nabi: dengan izin: *Khairul-'umur ausatuhaa*. (Tiap-tiap satu perkata itu ambil jalan pertengahan, lebih sangat pun jangan, kurang sangat pun jangan).

Jadi dengan demikian, sekali lagi saya ulangi pihak Kerajaan di masa akan datang waktu hendak meminda Akta nanti buatlah sedemikian rupa boleh panggil daripada pihak bijak pandai, daripada pihak segenap golongan membincangkan habis-habis supaya dapat dilakukan hukuman yang kita hendak laksanakan ini bukan sekadar lima tahun, bukan sekadar kalau pihak daripada Pendakwa Raya memikirkan baik boleh diperakui pula dikurangkan. Soal pembicaraan di Mahkamah ini, Tuan Yang di-Pertua, dunia dahulu boleh tahan; kalau dunia hari ini, maaf, ada pintu belakang. Jadi kita bimbang kalau ada benda ini datang pula

yang menjadi saksi itu, saksi palsu, kalau terdirilah daripada orang Melayu yang beragama Islam sekali lagi dua doublenya di hadapan Tuhan Rabbul Jalil dengan izin sebagaimana kata Tuhan dalam Quran, *shahadatizul yakni saksi palsu*. Kerana apa? Boleh tengok orang ini pandai sedikit boleh begini: Ha! Okay, tidak apalah kurangkan denda. Kita tidak mahu demikian. Biar siapa juga. Orang besarnya, kecilnya lakukan perkara yang salah tetap salah. Ikutilah sebagai sahabat Rasulullah Nabi Allah Nuh walaupun anakandanya namun tetap dihukum.

Jadi, inilah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, di dalam membahaskan Rang Undang-undang ini sekali lagilah diharap di masa akan datang waktu hendak meminda sesuatu Akta dan menambahkan lakukanlah dengan secermat-cermatnya.

5.12 ptg.

Tuan S. I. Rajah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak bercakap panjang kerana sahabat-sahabat saya telah bercakap perkara ini. Walau bagaimanapun, saya hendak bercakap satu dua kata mengenai Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sukacitanya bangun menyokong Akta membaharui Undang-undang (Pemalsuan Samsu Gelap) (Pindaan) 1976. Kelmarin beberapa orang sahabat-sahabat saya telah berucap mengenai betapa penting dan perlunya Undang-undang ini dan ada yang mencadangkan supaya hukuman mati dikenakan ke atas mereka yang dihadapi bersalah kerana membuat samsu gelap.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama pada fikiran saya ialah bahawa orang ramai terutama pekerja-pekerja ladang hendaklah diberitahu mengenai bahaya minum samsu gelap. Langkah-langkah mestilah diambil oleh agensi-agensi Kerajaan seperti TV, Radio dan panggung wayang untuk menunjukkan bahaya samsu gelap supaya pekerja ladang memahami bahayanya. Semasa tragedi yang berlaku di Lunas Kedah, Seremban dan Johor Bahru di mana samsu gelap dibuat untuk jualan pihak polis hendaklah berjaga-jaga untuk mengenakan mereka yang bertanggungjawab membuat samsu gelap. Dalam

hubungan ini saya perhatikan pihak polis tidak mengambil tindakan tegas untuk menangkap mereka yang terlibat dalam membuat samsu gelap.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Undang-undang sekarang hukuman yang terkandung dalam Akta Ibu adalah mencukupi dan dengan sendirinya adalah penghalang kepada mereka. Oleh kerana mereka yang minum samsu gelap ini terdiri dari mereka yang berpendapat rendah, saya suka hendak mencadangkan dan mendesak Kerajaan supaya memberikan lebih banyak lesen untuk kedai-kedai tadi di samping menurunkan harga beer supaya mereka ini boleh menukar kepada minuman ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pindaan Akta 165, seksyen (16) (a) adalah kena pada masanya dan wajar terutama memandangkan beberapa tragedi yang berlaku di negara ini. Pendakwa Raya hendaklah sedia mana yang boleh menjalankan budi bicara kehakimannya, katanya judicial discretion, untuk memberi baik kepada pesalah di mana perlu.

Dengan ini, saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang ini.

5.15 ptg.

Tan Sri Dato (Dr) C. Sinnadurai: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Pindaan ini. Sekarang saya mengambil peluang untuk bercakap sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, minuman adalah satu perkara peribadi tetapi masalah utama ialah berapa banyak seorang itu minum, dan apa jenis alcohol yang seorang itu minum, misalnya whisky adalah selamat untuk diminum, sebab whisky itu ethyl alcohol tetapi samsu yang dibuat di tempatan mengandungi methyl alcohol dan jikalau diminum terlalu banyak, orang itu boleh mendapat kesan toxic effects seperti hilang akal, rosak pandangan, sakit perut yang teruk, muntah dan lain-lain. (*Dengan izin*). The toxic effects are cerebral aberrations visual disturbances, violent abdominal cramps, vomiting, leading to convulsions and to coma dan lagi akhirnya membawa kepada mata buta, gila, mati kakitangan dan maut juga. Oleh sebab itu

samsu yang dibuat di tempatan adalah merbahaya.

Tuan Yang di-Pertua, orang yang suka minum samsu biasanya datang daripada golongan yang berpendapatan rendah dan berpendidikan kesihatan kurang. Oleh itu undang-undang sahaja tidak mencukupi. Alasan saya berkata begitu, Tuan Yang di-Pertua, one should not only help those involved in samsu drinking to improve their socio-economic conditions of living but also their level of thinking and reasoning, berfikiran dan alasan. Kita mesti mendidik orang-orang yang mungkin minum minuman yang merbahaya.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, you would agree that if there is no demand, no one will distil and sell samsu. As to other drinks, as I said earlier, drinking is a very personal matter. It is said that the first drink serves us for health, the second for pleasure, the third for shame and the fourth for madness. In short, all excess is ill.

Tuan Yang di-Pertua, the health and wellbeing of a community is an unfailing index of its morals and morality is religion in practice, and so if one without religious moral takes a drink and the next drink takes the man and if the drink happens to be the local samsu, it is a quick way to death and suffering. Hence, the need for these amendments, for you will agree that law is the embodiment of the moral sentiments of the people, but, Tuan Yang di-Pertua, Malaysia is a multi-racial country. Therefore, all the same, let us be tolerant. As I said in this noble House some years ago, tolerance and forbearance are God-given qualities to the Malays.

Tuan Yang di-Pertua, dengan alasan-alasan yang saya telah sebutkan tadi saya menyokong penuh Pindaan Rang Undang-undang ini.

5.19 ptg.

Dr Choo Kooi Fook: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk memberi pandangan saya terhadap Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976. Sambil saya menyokong, saya suka juga memberi beberapa pandangan saya terhadap Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, masanya telah tiba bagi Kerajaan mengambil tindakan keras untuk menghapuskan samsu gelap memandangkan bahawa anggaran kematian akibat dari minuman samsu gelap telah meningkat kepada 55 semenjak 1977. Sungguhpun samsu jika dibuat mengikut peraturan sains dan mengikut kehendak kesihatan ia tidak akan menjadi satu perkara yang membunuh. Gejala-gejala yang menyebabkan kematian adalah kekotoran dalam samsu gelap seperti rakan saya tadi sebutkan methyl alcohol, ini tidak ada di dalam minuman-minuman keras yang lain umpamanya brandy atau whisky. Kekotoran dalam samsu gelap ialah racun yang membunuh, oleh kerana mereka yang terlibat dalam membuat samsu gelap ini tidak mempunyai tempat yang sesuai dan juga tidak mempunyai alat-alat yang saintifik, maka perutusan unsur-unsur kekotoran yang akhirnya menjadi racun adalah tinggi.

Saya memang menyokong tindakan sekeras-kerasnya yang akan diperuntukkan dengan memasukkan seksyen baru 16A dalam pindaan yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun kerasnya undang-undang yang berada, kita tidak akan berjaya menghapuskan samsu gelap tanpa kerjasama semua pihak. Di sini saya suka sebut peranan penting pihak Kastam dan Polis. Adalah tidak dinafikan bahawa pada masa dahulu pihak pencegahan tidak menjalankan tugas mereka dengan jujur dan disiplin sambil berlakunya rasuah. Jika keadaan sedemikian dibenarkan berterusan, maka sudah tentulah dengan adanya Rang Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) kita masih tidak akan berjaya.

Bagi pihak pengguna pula saya bercadang bahawa Kerajaan melonggarkan sedikit kawalan todi supaya minuman todi yang kaya dengan vitamin bolehlah mereka dapat sebagai ganti samsu gelap. Dari segi kesihatan dan terutamanya mereka yang berpendapatan rendah todi sebagai ganti samsu gelap harus digalakkan kepada mereka yang telah jatuh penagih samsu.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya cadangan saya dapat dijalankan serentak maka tentulah

mereka yang membuat samsu akan merasa takut kerana pihak pencegahan tidak akan bekerjasama, tambahan pula dengan adanya Rang Undang-undang yang keras ini mereka akan lebih takut apabila ingin membuat samsu gelap. Dengan kekurangan tuntutan dari pihak pengguna kerana mereka telah diperuntukkan dengan bekalan todi, saya yakin skim ini akan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

5.25 ptg.

Dato' Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat terhadap perbincangan yang berkaitan dengan Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap), 1976.

Beberapa teguran dan cadangan telah dikemukakan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya akan cuba memberi penjelasan setakat mana yang boleh. Pada asasnya cadangan yang saya kemukakan dalam ucapan saya semalam adalah khasnya untuk menguatkan dan memperbesarkan lagi kuasa-kuasa pihak yang berkuasa berkaitan dengan tindakan yang boleh diambil terhadap mereka yang menjalankan kegiatan haram terhadap pengilang dan pengedaran samsu.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menegaskan bahawa Kerajaan akan mengawasi keadaan ini dan melakukan pindaan-pindaan yang sesuai dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun, mengikut angka-angka yang diperolehi kita dapati bahawa kes-kes samsu telah berkurangan baru-baru ini.

Pada tahun 1977 bilangan orang yang didakwa adalah 38, manakala orang yang didapati salah adalah 27 dan tapai yang dirampas berjumlah 309,204.37 liters dibandingkan dengan tahun 1980 di mana bilangan orang yang didakwa adalah 10 sahaja, mereka yang didapati salah hanya 8 dan tapai yang dirampas cuma berjumlah 76,317.64 liters. Angka untuk tahun 1981 masih belum dapat diperolehi. Walau bagaimanapun, saya penuh yakin bahawa

dengan penambahan seksyen baru ini kes-kes samsu akan terus berkurangan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Dr Gan Kong Seng supaya duti samsu dikurangkan. Sukacita saya memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa sememangnya cukai di atasnya sudahpun dikurangkan daripada \$31 satu peruf gelen kepada \$20 satu peruf gelen. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan mengkaji untuk mengurangkan kadar duti ini pada masa-masa yang akan datang sekiranya langkah ini dapat mencegah peminum-peminum daripada minum samsu gelap.

Saya berpendapat bahawa sungguhpun duti dihapuskan sama sekali ianya tidak akan dapat menghapuskan penggunaan samsu gelap. Ini adalah kerana harga samsu yang dikeluarkan di kilang-kilang yang berlesen akan tetap lebih mahal daripada harga samsu gelap kerana kos tetap adalah lebih tinggi.

Yang Berhormat juga telah membuat cadangan supaya pihak Kerajaan mengeluarkan lebih banyak lagi lesen untuk membotol dan mengilang samsu. Untuk makluman Yang Berhormat setakat ini 9 lesen telah dikeluarkan oleh pihak Kerajaan yang mana adalah dianggap mencukupi untuk menampung keperluan orang ramai. Namun demikian, sekiranya bilangan tersebut didapati tidak mencukupi Kerajaan tidak akan teragak-agak mengeluarkan lesen baru.

Untuk menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan berkenaan todi sebagai satu alternatif kepada samsu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr Choo Kooi Fook dan juga Senator Dr Gan Kong Seng, suka saya menegaskan di sini bahawa tujuan utama Rang Undang-undang ini dibentangkan adalah untuk memperkemaskan proviso-proviso ke atas tindakan yang akan diambil ke atas kegiatan samsu haram dan bukan semata-mata bertujuan untuk mengawal atau menghalang perkembangan industri todi.

Sebagai asasnya Kerajaan akan memberi galakan dan pertimbangan yang penuh terhadap projek-projek yang viable. Ini termasuklah sokongan untuk memajukan tuak sebagai ganti samsu sekiranya projek seperti itu viable. Walau bagaimanapun untuk

makluman Dewan yang mulia ini, terdapat banyak jenis minuman dalam pasaran sama ada ianya mahal atau yang murah. Memandangkan hal ini, saya berpendapat adalah tidak perlu Kerajaan menjalankan penyelidikan untuk mencipta satu jenis minuman yang baru sebagai ganti samsu.

Yang Berhormat Senator Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein, Yang Berhormat Senator Dato' Sulaiman Ninam Shah dan juga Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mahmud Salim Mohamad telah menyeru pihak Kerajaan menghapuskan dan mengharamkan semua jenis arak. Saya berpendapat bahawa perkara ini memang sukar dilaksanakan memandangkan masyarakat Malaysia adalah satu masyarakat yang bercorak berbilang ugama dan kebudayaan.

Yang Berhormat Senator Fadzil Mahmood, Yang Berhormat Senator Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain, Yang Berhormat Senator Abdul Razak Abu Samah dan juga Senator K. Kumaran telah menyentuh tentang hukuman yang telah dijatuhkan ke atas peminum-peminum samsu gelap. Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan telah mencadangkan tindakan supaya hukuman yang lebih berat dikenakan bagi peminum dan pengedar samsu gelap. Suka saya mengambil kesempatan di sini untuk memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa hukuman yang sedia ada adalah dianggap mencukupi. Di bawah Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976 seseorang yang didapati bersalah kerana membuat ataupun mengedar samsu haram akan dikenakan hukuman penjara selama satu tempoh di antara 2 tahun hingga 5 tahun dan juga didenda sebanyak tidak lebih daripada \$20,000. Sekiranya samsu haram itu didapati mengandungi apa-apa bahan yang merbahaya maka kesalahan itu akan dikenakan hukuman penjara di antara 4 tahun sehingga 10 tahun dan didenda sebanyak tidak lebih dari \$20,000 dan disebat tidak lebih dari 6 kali.

Walaupun bagaimanapun pihak Kerajaan akan sentiasa mengawasi dan mengawal keadaan dan akan menimbang untuk mengenakan hukuman yang lebih berat sekiranya didapati perlu.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja penjelasan saya atas teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Untuk cadangan-cadangan dan teguran-teguran yang lain perhatian akan diambil untuk tindakan yang sewajarnya. Sekali lagi saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih. Sekian.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH KEHAKIMAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.39 *ptg.*

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman, 1964 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan ini sebenarnya adalah pindaan kecil untuk mengemaskinikan undang-undang yang

berhubung dengan rayuan-rayuan ke Mahkamah Tinggi, Mahkamah Persekutuan dan Yang di-Pertuan Agong. Pindaan-pindaan ini adalah disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

1. Inflasi;
2. Akibat daripada pindaan-pindaan yang telah dibuat kepada undang-undang lain yang berkaitan;
3. Mengelakkan embarrassment kepada Hakim-hakim Mahkamah Tinggi;
4. Menjelaskan kedudukan yang kurang jelas; dan
5. Mengurangkan rayuan-rayuan yang tidak berasas.

Pindaan kepada Seksyen 28 (1) di mana amaun minima bagi sesuatu kes civil yang telah diputuskan oleh Mahkamah Rendah boleh dibuat rayuan ke Mahkamah Tinggi dinaikkan daripada \$500 kepada \$5,000 adalah disebabkan oleh inflasi.

Semenjak beberapa tahun dahulu seperti semua ketahui harga barang-barang dan cara hidup jua telah bertambah mahal. Sementara itu bidangkuasa Majistret Kelas I telahpun dinaikkan daripada \$2,000 kepada \$10,000 dalam 1978. Pindaan ini akan mengurangkan bilangan kes-kes yang tidak sepatutnya dibuat rayuan ke Mahkamah Tinggi supaya tidak akan berpanjangan.

Pindaan kepada Seksyen-seksyen 68 (1) (a) dan 74 (1) (a) (i) juga mempunyai tujuan yang sama.

Seksyen 68 (1) (a) adalah berkenaan dengan rayuan civil daripada Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Persekutuan. Amaun minima pada masa ini ialah \$2,500. Adalah dicadangkan bahawa ianya dinaikkan kepada \$10,000.

Seksyen 74 (1) (a) (i) pula adalah berkenaan dengan rayuan daripada Mahkamah Persekutuan kepada Yang di-Pertuan Agong. Adalah dicadangkan supaya amaun minima dinaikkan daripada \$25,000 kepada \$100,000. Dengan ini tidaklah terlalu banyak kes-kes yang diappeal kepada Mahkamah Persekutuan dan kepada Yang di-Pertuan Agong.

Pindaan Seksyen 59 (1) adalah akibat daripada pindaan kepada Akta Mahkamah Rendah 1948 yang telah berkuatkuasa pada 1hb Julai, 1978. Akibat pindaan tersebut Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen dengan kuasa-kuasa khas telah dihapuskan. Oleh itu sebarang rujukan kepadanya patutlah dihapuskan.

Berhubung dengan pindaan kepada Seksyen 66 (1) pula, pada masa ini soal sama ada permohonan untuk merujukkan apa-apa masalah undang-undang mengenai kepentingan awam ke Mahkamah Persekutuan atau tidak diputuskan oleh Hakim yang mendengar kes itu sendiri. Ini kerap kali menyebabkan embarassment kepada Hakim-hakim tersebut. Yang demikian, adalah difikirkan bahawa kuasa memutuskan sama ada patut atau tidak sesuatu masalah itu dirujuk kepada Mahkamah Persekutuan wajar berada dalam bidangkuasa Mahkamah Persekutuan sendiri. Sebahagian daripada pindaan kecil seksyen ini adalah disebabkan oleh pindaan kepada Akta Mahkamah Rendah 1948 yang disebutkan lebih awal itu.

Perkataan 'interlocutory' yang terdapat dalam Seksyen 68 (2) telah menimbulkan dua taksiran yang bertentangan. Kekeliruan ini boleh di atasi dengan memotong perkataan tersebut. Oleh sebab itulah maka pindaan kepada Seksyen 68 (2) dicadangkan.

Akhir sekali, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian terhadap pindaan kepada Seksyen 74 (1) (a) (ii). Dengan dimasukkan peruntukan yang dicadangkan ini maka rayuan-rayuan kepada Yang di-Pertuan Agong bagi kes-kes yang hanya melibatkan alasan-alasan fakta (factual grounds) sahaja akan dapat disekat. Adalah menjadi amalan Mahkamah Rayuan untuk tidak campurtangan dalam soal finding of facts Mahkamah di bawahnya. Oleh itu rayuan-rayuan seperti itu kerap kali menyebabkan kelambatan dalam menyelesaikan kes-kes di samping merugikan perbelanjaan dan merugikan masa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta bernama Akta untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk perbahasan.

5.44 ptg.

Dato' Haji Mahmoud Salim bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Akta untuk meminda Mahkamah Kehakiman 1964. Tujuan-tujuan pindaan telahpun dihuraikan di dalam huraian Rang Undang-undang ini dan telahpun dibaca oleh pihak Timbalan Menteri sebentar tadi. Walaupun naskah sahah dalam bahasa Inggeris tetapi dalam huraian itu ada diterangkan dalam Bahasa Kebangsaan dengan sejelas-jelasnya.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang dicadangkan di dalam Rang Undang-undang ini memang wajar. Seumpama menaikkan nilai jumlah rayuan daripada Mahkamah Rendah kepada Mahkamah Tinggi daripada \$500 kepada \$5,000; daripada Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Persekutuan daripada \$2,500 kepada \$10,000; daripada Mahkamah Persekutuan kepada Yang di-Pertuan Agong daripada \$25,000 sampai ke \$100,000 dan begitulah seterusnya.

Pendeknya apa yang terkandung di dalam Rang Undang-undang ini saya adalah menyokong. Tetapi apa yang saya hendak bahaskan pada hari ini, saya nampak di dalam perkara meminda undang-undang sama ada Undang-undang Kehakiman ataupun Undang-undang Mahkamah, kerap kali telah dibawa ke dalam Dewan yang mulia ini untuk dipersetujui dan telahpun dipersetujui. Tetapi apa yang saya berasa muskil, ialah perkara yang saya selalu menerangkan di sini iaitu saya nampak perkara yang diperbetulkan itu tidaklah begitu besar sangat dengan perkara yang belum diperbetulkan.

Sebagaimana yang kita tahu Perlembagaan Malaysia telah diadakan pada tahun 1957 iaitu

tarikh kemerdekaan Malaysia dan di dalam Perlembagaan ini, di dalam masalah kehakiman, di dalam masalah mahkamah telah dibahagikan dengan terangnya di dalam Perlembagaan itu kuasa-kuasa Mahkamah Civil dan Mahkamah Ugama ataupun Mahkamah Syariah. Misalnya dalam Jadual ke 9, Senarai Yang Kedua, ada diterangkan kuasa-kuasa.

Banyak mana kuasa Kerajaan Persekutuan boleh menyentuh perkara-perkara ugama Islam yang dikhaskan kepada negeri, yang dikhaskan kepada Raja-raja Negeri itu ada diterangkan, dikatakan Mahkamah Syariah misalnya di dalam Senarai 1 Fasal 4, diterangkan, dikatakan Mahkamah Syarikah adalah di luar daripada kuasa Kerajaan Persekutuan; kemudian selain daripada itu dinyatakan pula kuasa-kuasa Mahkamah Syariah boleh membuat peraturan-peraturannya dan perkara-perkara yang boleh dibicarakan olehnya termasuklah khasnya perkara-perkara ugama, dalam masalah perkahwinan, dalam masalah nikah cerai, dalam masalah pemberian pesaka, dalam masalah menuntut harta sepencarian dan sebagainya. Diterangkan ini adalah hak-hak Mahkamah Syariah yang patut dibicarakan oleh Mahkamah Syariah di antara orang-orang Islam. Tetapi sebaliknya kalau kita melihat kepada Mahkamah Civil daripada Mahkamah Rendahnya, Mahkamah Tengah (Mahkamah Session), Mahkamah Tinggi (High Court), Mahkamah Persekutuannya ada mempunyai kuasa yang menyeluruh. Dia boleh membicarakan perkara-perkara yang tersebut. Itulah yang saya kata perkara yang seumpama ini patutlah di dalam pindaan-pindaan yang seumpama ini ditegaskan, dibuat ketentuan, dibuat khas yang mana kuasa Mahkamah Syariah dan yang mana kuasa Mahkamah Civil.

Tidakkah menjadi ganjil, orang Islam, suami isteri bicara di Mahkamah Syariah sebagaimana yang ditetapkan di dalam Perlembagaan, di bawah Jadual Ke 9 Senarai Yang Kedua Fasal 4 misalnya, membicarakan dia di dalam masalah nafkah. Tetapi selepas itu Mahkamah Session pula bicara, selain daripada Mahkamah Syariah bicara pula perkara itu juga, perkara nafkah orang Islam. Tidakkah perkara ini ganjil. Tidakkah perkara ini bercanggah? Kalau sudah diberi

kepada Mahkamah Syariah untuk dibicarakan, apa pula yang membolehkan Mahkamah Session, apa pula yang membolehkan Mahkamah Tinggi (High Court) membicarakan ini. Ini sudah menjadi permainan. Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah kepada saya perkara-perkara yang seumpama ini patut ditegaskan di sini.

Saya baca satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, yang telah berlaku. Di dalam *Utusan Melayu* yang bertarikh 24hb Ogos, 1981:

“Pembicaraan Dahlan Zainuddin Dengan Anaknya Liza”

Johor Bahru (23-8-81)—Mahkamah Tengah di sini hari ini telah meluluskan tuntutan pindaan bayaran nafkah dari \$50.00 ke \$130.00 yang dikenakan kepada penyanyi Dahlan Zainuddin yang dibuat oleh anak perempuannya sendiri Liza Dahlan.

Tuntutan itu dibuat oleh Liza Dahlan 15 tahun melalui ibunya Rokiah Ali, janda Dahlan yang diwakili oleh Penolong Pengarah Biro Bantuan Guaman Johor, Encik Noor Azman Adnan.

Ketika membentangkan tuntutan itu Encik Noor Azman berkata tambahan bayaran sara hidup untuk Liza harus dinaikkan sesuai dengan keadaan taraf sara hidup yang meningkat sekarang ini.

Sebelum ini Liza berjaya menuntut nafkah sebanyak \$20.00 sebulan mulai pada bulan Jun 1972 hingga 1977 melalui Mahkamah Syariah. Bermula pada Julai 1977 hingga Mei 1981 sekali lagi Liza berjaya membuat tuntutan berjumlah \$3,270 dari bapanya melalui mahkamah yang sama, Mahkamah Syariah.

Pengadil Mahkamah, Encik Yee Cheng Seng, kemudian memerintahkan bayaran nafkah tersebut dikuatkuasakan mulai bulan Mei 1981 dengan kadar \$130 sebulan.”

Ini yang saya kata ganjil, Tuan Yang di-Pertua. Kalau sekiranya berlaku tuntutan nafkah di antara anak dengan ayah, Liza telah menuntut nafkah daripada ayahnya iaitulah Dahlan Zainuddin di Mahkamah Syariah.

Mahkamah Syariah dua kali bicara daripada \$20.00 naik kepada \$50.00 tetapi kemudiannya buat pindaan pula di Mahkamah Session di bawah hakimnya Encik Yee Cheng Seng yang menaikkan pula menjadi \$130.00. Jadi kita pun tahu perbicaraan iaitulah Mahkamah Syariah kalau sekiranya sesiapa yang tidak bersetuju ataupun tidak berpuas hati dengan hukuman Mahkamah Syariah dia boleh mengemukakan rayuan (appeal) kepada Mahkamah Rayuan Syariah juga. Habis di situ, itulah keputusan yang akhir, tidak pergi ke Mahkamah Session, tidak pergi ke Mahkamah Persekutuan tetapi sebaliknya di Mahkamah Sivil, keputusan Mahkamah Majistrenya pergi kepada High Court, High Courtnya pergi ke Mahkamah Persekutuan dan daripada Mahkamah Persekutuan pergi kepada Privy Council. Jadi macam mana? Ini satu kes nafkah sahaja, Liza menuntut nafkah daripada ayahnya seorang penyanyi iaitulah Dahlan Zainuddin.

Jadi Mahkamah Syariah membuat satu keputusan, kemudian tuntutan pula di Mahkamah Session. Kenapa Mahkamah Session terima, bukankah perkara ini sudah berlaku di Mahkamah Syariah. Maka timbullah masalah-masalah yang lain. Kalau kita tanya Mahkamah session yang menerima tuntutan ini, maka dia akan jawab, memang saya ada kuasa. Mahkamah Session ada kuasa yang mutlak. Dia akan jawab begitu. Jadi pembahagian di dalam Perlembagaan dengan Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil di mana letaknya? Kalau macam ini baik kita hapuskan sahaja Mahkamah Syariah, serahkan segala-galanya kepada Mahkamah Sivil, lagi baik.

Perkara yang memalukan lagi, Tuan Yang di-Pertua, di dalamnya dikatakan pula kalau sekiranya mana-mana keputusan di antara Mahkamah Syariah dan mahkamah Sivil bercanggah di antara duanya, maka keputusan Mahkamah Sivil itu hendaklah dipakai. Ini menghina keputusan Mahkamah Syariah. Keputusan Mahkamah Syariah yang dibuat itu dihinakan iaitu keputusan dia tidak boleh pakai, yang dipakai ialah keputusan Mahkamah Sivil. Kepada saya apakala undang-undang kehakiman seumpama ini hendak dipinda, pindalah perkara-perkara yang seumpama ini. Umpamanya perkara

harta sepencarian suami isteri. Dia berniaga, buka warung, buka restoran, beli tanah misalnya, beli rumah; itu harta sepencarian namanya. Kemudian bercerai, ke mana mereka hendak menuntut? Mengikut Akta Mahkamah Syariah, boleh dituntut kerana Kadi juga ada kuasa boleh menyelesaikan harta sepencarian. Kalau sekiranya si isteri menuntut di Mahkamah Syariah, si suami pula menuntut di Mahkamah Session apa macam? Ini akan menjadi satu masalah. Mahkamah Session akan bicara harta sepencarian mengikut kuasa yang apa pada dia. Mahkamah Syariah akan bicara harta sepencarian mengikut kuasa yang ada pada dia dan masing-masing akan membuat keputusan. 'Warung Cemerlang' yang ada di Jalan Duta siapa punya? Keputusan Mahkamah Syariah kata warung itu Cik Puteh punya, maka boleh kepada Cik Puteh. Kepada Mahkamah Session tidak, 'Warung Cemerlang' di Jalan duta itu boleh kepada Encik Bagus suami Cik Putih. Maka keputusan Mahkamah Session itulah yang dipakai. Perkara ini tidak boleh jadi, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya nampak di dalam pindaan-pindaan yang seumpama ini tidak payah minta daripada Kadi kerana Kadi ini baharu-baharu belaka, tidak payah. Inilah pendapat Peguam Negara, syor Peguam Negara, fikiran Peguam Negara dengan bantuan daripada pembantu-pembantunya supaya perkara-perkara seumpama inilah dipinda supaya menyelesaikan perkara itu.

Masalah sekarang ini, misalnya, saya baharu di dalam Dewan ini bertanya masalah peguam-peguam. Undang-undang ataupun Enakmen mahkamah pentadbiran hukum syarat⁷ yang dijalankan oleh Mahkamah-mahkamah Syariah di dalam negeri ini bila dibuat? Di buat ialah sebelum negara kita merdeka, semasa negara kita di bawah penjajahan, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, dengan sebab undang-undang itu dibuat di dalam masa penjajah maka semua sekali perkara-perkara itu bersifat penjajah. Oleh kerana pada masa itu loyar-loyar yang ada di dalam negara kita semua berkebilatkan di London belaka yang berkelulusan barrister-at-law, dia belajar law di London maka dia boleh argue di Mahkamah Syariah walaupun

mengerti dan menganalisa sesuatu maksud, menyelidik atau menterjemah sesuatu istilah. Jadi tidak lojik mengatakan bahawa kita kurang penterjemah kerana pepatah kita ada menyebut di mana ada kemahuan di situ ada jalan. Pada saya pengukurannya mahu atau tidak mahu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu memperkatakan yang lepas sebab tepuk air di dulang terpercik di muka sendiri. Tadi kita telah membahaskan bahawa kes sivil (rayuan) kita masih menghantar ke Privy Council sedangkan kes jenayah kita boleh putuskan di sini di mana sudah menjadi perbahasan pada pagi tadi.

Tuan Yang di-Pertua, seseorang rakyat yang diwakili dalam Dewan Negara ini berkehendakkan perkara ini diubah dengan segera yang boleh tetapi Kerajaan menyatakan ada satu sebab Kerajaan berbuat demikian. Apakah sebabnya dan apakah motifnya tidak dikeluarkan. Ertinya tidak ada sebab; kalau ia tidak dapat dihuraikan sebabnya ertinya tidak ada sebab, cuma kerana kelemahan jiwa. Kita sebagai satu bangsa merdeka kita mesti mempunyai jiwa besar, walaupun kita negara kecil, jangan nama kita agung di luar.

Tuan Yang di-Pertua, inilah pandangan saya yang cetek pada petang yang bersejarah ini. Saya rasa Jabatan Kehakiman dan Undang-undang yang duduk di bawah Jabatan Perdana Menteri patut saya menyarankan kalau ianya dahulu wujud sebagai sebuah Kementerian Undang-undang yang pada satu langsung boleh mendirect kepada Kementerian Undang-undang. Hari ini kepada Jabatan Perdana Menteri. Saya tidak faham mengapa perubahan ini berlaku. Jadi salahnya sekarang ini ialah Jabatan Perdana Menteri.

Saya pernah bercakap, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu menyalahkan Perdana Menteri semasa ianya menjadi Menteri Wilayah Persekutuan, saya mohon Menteri Wilayah itu diwujudkan atau dipegang oleh seorang menteri lain yang mentadbirkan. Apa yang saya sarankan pada waktu itu diterima dan sekarang ini kita dapati bahawa menteri yang khas telah wujud menjadi Menteri Wilayah Persekutuan, tetapi

menteri Undang-undang yang pada satu ketika ada, di hari ini sudah hapus dan disatukan dengan Jabatan Perdana Menteri, tetapi apapun duduknya, di mana kedudukan mereka itu tetap dengan tugasnya.

Perlembagaan ini pengakuan kita, umpamanya, 10 tahun selepas merdeka dan memasuki Malaysia (1963 sehingga 1973), Dewan ini tidak akan lagi bersidang atau bercakap dalam bahasa Inggeris, kecuali dengan izin tetapi ada setengah rakan dalam Dewan kita masih dibenarkan. Ahli dari Sabah dan Sarawak boleh bercakap dalam bahasa Inggeris. Saya secara tidak langsung apa yang diluluskan oleh Dewan Rakyat, saya berasa amat kecil hati kerana ianya tidak mengikut apa yang dikehendaki oleh Perlembagaan kita, selepas 10 tahun merdeka dalam kedua-dua Dewan ini mesti Bahasa Malaysia sahaja atau bahasa serumpun sahaja yang boleh diucapkan, kecuali ada perkataan atau istilah teknikal mohon izin kebenaran Tuan Yang di-Pertua, tetapi Dewan Negara sendiri masih ada setengah Ahli Dewan menggunakan bahasa Inggeris. Di mana tempat kita hendak mengadu? Di mana tempat kita hendak bercerita? Adakah Menteri-menteri kita pandang sahaja? Saya tidak gemar saya digelar sebagai ekstrim bahasa. Saya seorang yang dingin, Tuan Yang di-Pertua. Saya seorang yang reda, tetapi berhubung dengan perjuangan kebangsaan kita, perkara sensitif, perkara kaum, jangan dibangkitkan. Kita sedang memupuk zaman perubahan. Kita tahu bahawa sahabat kita orang Tionghua bersama-sama dengan kita sekarang mencari persesuaian dan jangan lekas masuk suratkhbar apa yang berlaku dalam perkara 3M, Tuan Yang di-Pertua oleh komponen Barisan Nasional, tetapi akhirnya rujuk. Ini perkara yang tidak logik walaupun itu hak baginya.

Tuan Yang di-Pertua, jadi untuk menyimpulkan ucapan saya yang pendek ini, saya mohon Kerajaan menimbangkan bentuk strategi kehakiman ini dipertimbangkan semula Jabatan Undang-undang mengkaji masalah penterjemahan undang-undang sebelum tahun 1967 itu. Dengan segala hormatnya, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Bil ini.

6.26 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan).

Saya sebenarnya dalam bahagian-bahagian yang macam ini saya lebih suka duduk memerhatikan kawan-kawan saya berucap dengan penuh teliti, tetapi saya berpendapat Undang-undang ini satu perkara besar, masalah penting dalam negara kita, satu perkara yang harus kita beri perhatian yang serius dan harus kita memandang jauh, terutamanya apabila terlibat kehendak-kehendak bumiputra dalam negara ini melaksanakan Ugama Rasmi yang mana tercatat dalam Perlembagaan tanahair kita ini. Mengikut undang-undang yang ada di dalam Perlembagaan, Ugama Rasmi ialah ugama Islam maka bertautlah dua undang-undang ini sekarang di hadapan kita yang harus kita selesaikan sementara kita meminda Akta yang tersebut ini, Tuan Yang di-Pertua.

Walau apapun kita katakan bahawa pindaan ini baik dan sesungguhnya dengan pindaan ini membuka jalan sekarang kita membetulkan beberapa perkara penting yang harus diambil ingatan oleh Menteri yang berkenaan dan Kerajaan negara kita supaya menyesuaikan kehendak Perlembagaan

negara kita yang mana patut perkara itu lama sudah dikaji dan dipinda. Walau bagaimanapun, saya berharap pindaan yang di hadapan kita ini mestilah dengan berani menyesuaikan dengan kehendak-kehendak Perlembagaan kita sungguh-sungguh melaksanakan dasar kita seperti yang dikanunkan dalam Perlembagaan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercadang tadi akan menyentuh lima enam perkara yang saya rasa harus terkeluar sedikit, tetapi rasa saya tujuannya sama yang harus diperbaiki, yang harus ditambah di dalam pindaan Akta ini. Nombor satu sekali saya telah menggariskan apa yang penting sekali bahasa dalam Perlembagaan sebagaimana yang telah diperkatakan oleh sahabat saya Senator Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak Husain iaitu bahasa menunjukkan bangsa. Kalau selagi kita belum mendaulatkan bahasa kita dalam undang-undang ini sebenarnya adalah memalukan seluruh 15 juta umat, rakyat Malaysia.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat boleh menyambung esok.

Mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 13hb Januari, 1982.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.